



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

SENATE

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

MEMILIH TUAN YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA [Ruangan 13]

MENGANGKAT SUMPAH [Ruangan 13]

**MEMILIH TIMBALAN YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA
[Ruangan 15]**

PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA:

Mengalu-alukan Ahli-ahli Baru [Ruangan 15]

**Ucapan Takziah kepada Keluarga Mendiang Y.B. Datuk Temenggong
Oyong Lawai Jau [Ruangan 16]**

**Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-
Pertuan Agong [Ruangan 16]**

Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 31]

Perutusan daripada Dewan Rakyat [Ruangan 33]

URUSAN MESYUARAT [Ruangan 35]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 36]**

USUL-USUL:

Aturan Urusan Mesyuarat [Ruangan 14]

KANDUNGANNYA—(sambungan)

**Ucapan Takziah kepada Puan Sri Abdul Hamid Khan dan Keluarga
[Ruangan 55]**

Jalan-jalan Masuk ke Parlimen [Ruangan 56]

Jawatankuasa Pemilih—Lantikan Ahli [Ruangan 57]

**Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-
Pertuan Agong [Ruangan 58]**

MALAYSIA

PARLIMEN KEEMPAT—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL PERTAMA

Hari Isnin, 6hb Januari, 1975

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATUK HAJI DZULKIFLI BIN DATUK HAJI ABDUL HAMID, A.S.D.K., A.M.N. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI S. O. K. UBAIDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negri Sembilan).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N. (Johor).
- „ TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negri Sembilan).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ DATUK J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., S.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantik).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).
- „ TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN HAJI C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Sarawak).

Yang Berhormat TUAN KAM WOON WAH (Dilantik).

- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).
- „ DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- „ DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB (Kelantan).
- „ TUAN HAJI MOHD. SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Dilantik).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., P.J.K., S.M.P., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- „ TUAN OOI ENG HONG, S.M.K., P.P.N., P.J.K., J.P. (Kedah).
- „ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH, P.C.M. (Perak).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Dilantik).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.D., P.N.B.S., J.M.N., S.M.K., S.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSEIN, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATUK SYED KECHIK BIN SYED MOHAMMAD, P.G.D.K. (Sabah).
- „ DATUK SYED OMAR BIN SYED HUSSAIN, S.M.P., A.M.N. (Perlis).
- „ TUAN TING MING HIA (Sarawak).
- „ CIK TOM SAUDAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ DATUK WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.M.K., A.K., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

YANG TIDAK HADIR :

Yang Berhormat DATUK LEE LOY SENG, D.P.M.P. (Perak).

- „ TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR (T.H.) TAN, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, D.J.M.K., J.M.N., P.M.K. (Dilantik).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).

YANG HADIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K.
(Ulu Langat).
- „ Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N. (Tenggaroh).
- „ Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Lim Joo Keng.

Timbalan Setiausaha, Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

DOA

**MEMILIH TUAN YANG DI-PERTUA
DEWAN NEGARA**

Tuan Setiausaha: Memilih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Menteri Undang-undang (Datuk Athi Nahappan): Ahli-ahli Yang Berhormat, di bawah Peraturan Mesyuarat 2(2), saya dengan sukacitanya mencadangkan:

Bahawa Yang Berhormat Tan Sri Datuk Haji Omar Yoke-Lin Ong dipilih jadi Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara.

Tok Pangku Pandak Hamid bin Puteh Jali: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Setiausaha: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana hanya satu usul sahaja telah dikemukakan untuk jawatan Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara, saya dengan hormatnya mengumumkan bahawa menurut syarat Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara 2(3), bahawa Yang Berhormat Tan Sri Datuk Haji Omar Yoke-Lin Ong telah dipilih sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara. *(Tepuk).*

(Dengan pemasyhuran Tuan Setiausaha, Yang Berhormat Tan Sri Datuk Haji Omar Yoke-Lin Ong dibawa ke Kerusi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Undang-undang, Datuk Athi Nahappan dan Yang Berhormat Tok Pangku Pandak Hamid bin Puteh Jali).

MENGANGKAT SUMPAH

Tuan Yang di-Pertua, seorang berdiri, bangun mengangkat Sumpah.

Selepas itu Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

1. Tan Sri Datuk S. O. K. Ubaidulla.
2. Datuk Athi Nahappan.
3. Tuan Seah Teng Ngiab.
4. Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin.
5. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob.
6. Tuan T. S. Gabriel.
7. Tuan Mohd. Tahir bin Abdul Majid.
8. Tuan Kam Woon Wah.
9. Datuk Dr C. Sinnadurai.

10. Puan Rafidah Aziz.
11. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub.
12. Datuk Syed Hassan Aidid.
13. Datuk Syed Omar bin Syed Hussain.
14. Cik Tom Saudah binti Haji Othman.
15. Datuk Ngau Ken Lock.
16. Datuk Dr Wee Khoo Hock.
17. Datuk Haji Ahmad bin Arshad.
18. Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein.
19. Puan Zawiah binti Abdullah.
20. Tuan Joseph Unting anak Umang.
21. Raja Nong Chik bin Raja Ishak.
22. Datuk Chong Foo Khin.
23. Tuan Chua Ching Cheng.

USUL

ATURAN URUSAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Undang-undang (Datuk Athi Nahappan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 13(2), Majlis ini sekarang akan terus menimbangkan Perkara 1 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini.

Tujuan saya mengemukakan usul ini ialah untuk membolehkan pemilihan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dijalankan sekarang juga supaya Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua yang telah dipilih oleh Dewan sebentar tadi dapat menguruskan perkara-perkara yang berkaitan dengan kembalinya ke Rahmatullah ayahanda beliau pagi tadi.

Dr Lim Ah Sitt: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 13(2), Majlis ini sekarang akan terus menimbangkan Perkara 1 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini.

MEMILIH TIMBALAN YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA

Tuan Haji Abdul Rahim bin Manan: Oleh kerana lulusnya usul yang dibentangkan oleh Timbalan Menteri Undang-undang, maka saya berdiri mencadangkan bahawa Yang Berhormat Tan Sri Datuk S. O. K. Ubaidulla dipilih jadi Timbalan Yang di-Pertua.

Dr Lim Ah Sitt: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana ada satu usul sahaja berhubung dengan pemilihan Timbalan Yang di-Pertua, saya mengumumkan bahawa Yang Berhormat Tan Sri Datuk S. O. K. Ubaidulla telah dipilih jadi Timbalan Yang di-Pertua. (*Tepuk*).

PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA

MENGALU-ALUKAN AHLI-AHLI BARU

Tuan Yang di-Pertua: Bagi pihak Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli-ahli baru yang telah mengangkat Sumpah dalam Dewan ini sebentar tadi, dan berharap semoga mereka dapat memberi sumbangan yang berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempohkan selama lima minit.

Persidangan ditempohkan pada pukul 3.10 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 3.20 petang.

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara, Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat:

Beta mengucapkan syukur kehadiran Allah Subhanahu Wataala yang telah melimpahkan rahmatNya untuk Beta menyampaikan Titah Ucapan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kedua-dua Dewan Parlimen bersempena upacara pembukaan resmi Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Parlimen Keempat pada hari ini. Ini adalah kali yang kedua Beta melafazkan Titah Ucapan dalam tahun ini, dan upacara ini diadakan setelah selesai pilihanraya nasional.

Beta berasa amat sukacita kerana pilihanraya nasional baru-baru ini telah berjalan dengan aman tanpa apa-apa gangguan dan kejadian yang tidak diingini. Kejayaan pilihanraya tersebut membuktikan bahawa rakyat Beta mempunyai keyakinan penuh dan berpegang teguh kepada

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA

UCAPAN TAKZIAH KEPADA KELUARGA MENDIANG YANG BERHORMAT DATUK TEMENGGONG OYONG LAWAI JAU

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin menyatakan iaitu Yang Berhormat Mendiang Datuk Temenggong Oyong Lawai Jau telah meninggal dunia pada 6-8-1974. Pihak Parlimen telahpun mengutus kawat takziah kepada keluarganya pada 12-8-1974. Marilah kita berdoa semoga Tuhan cucuri rahmat ke atas rohnyanya. Sekarang saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bangun bersama-sama saya bertaffakur selama seminit sebagai menghormati mendiang Yang Berhormat Datuk Temenggong Oyong Lawai Jau.

(Majlis bertaffakur selama satu minit)

TITAH UCAPAN DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya saya maklumkan kepada Majlis ini iaitu pada 5hb November, 1974 yang lalu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan menyampaikan Titah Ucapan di-Raja dalam Parlimen. Saya telah menerima salinan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia itu dan sekarang saya mengarahkan supaya salinan Titah Ucapan itu dibentangkan di atas Meja Mesyuarat dan seterusnya dicapkan di dalam Penyata Rasmi Parlimen.

sistem demokrasi berparlimen di negara ini. Sukacitalah di sini Beta melafazkan penghargaan kepada semua pihak yang berkenaan, terutamanya Suruhanjaya Pilihanraya yang telah menyediakan jentera pilihanraya dan Pasukan Keselamatan yang membolehkan pilihanraya itu berjalan dengan selamatnya.

Bersempena dengan hari yang bersejarah ini Beta amat sukacita mengalu-alukan sekalian Ahli Dewan Parlimen, terutamanya ahli-ahli Dewan Rakyat. Kepada mereka Beta mengucapkan tahniah di atas kejayaan masing-masing kerana dipilih untuk mewakili rakyat di Dewan yang mulia ini. Beta berharap tuan-tuan dan puan-puan akan menjalankan tanggungjawab memberi khidmat seperti yang telah diamanahkan oleh rakyat dengan penuh dedikasi, tenaga dan kejujuran, bagi membawa seluruh rakyat mencapai mercu kebahagiaan dan taraf hidup yang lebih tinggi dalam suasana aman damai.

Dalam hubungan ini Beta mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri Beta, Tun Haji Abdul Razak bin Hussein, yang kita kasihi, di atas kejayaan cemerlang di dalam pilihanraya yang lalu, dengan mendapat mandat yang besar dan kepercayaan yang kuat daripada rakyat untuk membentuk Kerajaan baru. Dengan adanya kestabilan politik dan penyatuan pendapat rakyat, ini merupakan pertanda yang baik ke arah mencapai perpaduan seluruh rakyat di negara ini. Oleh itu Kabinet bertindak yang baharu dibentuk itu berazam memikul segala tanggungjawab yang diamanahkan kepadanya. Beta sukacita melihat bahawa ramai Anggota Kerajaan terdiri daripada golongan muda yang akan dapat memberikan sumbangan kepada negara di samping menambahkan pengalaman dan kecekapan yang berguna pada masa hadapan.

Beta juga bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wataala kerana keadaan keselamatan dalam negeri pada keseluruhannya adalah terkawal. Keadaan di negeri Sarawak juga telah bertambah baik dan hampir pulih dari ancaman saki baki penganas komunis. Dengan adanya suasana keselamatan yang bertambah baik rakyat Beta akan dapat memainkan peranan masing-masing dengan sepenuhnya dalam menjayakan rancangan-rancangan pembangunan negara. Walau bagaimanapun sekalian rakyat hendaklah sentiasa berwaspada terhadap perubahan strategi dan taktik penganas komunis yang sentiasa menanti peluang untuk menimbulkan kekacauan. Beta yakin semua pihak yang cinta dan menghargai keamanan akan terus bekerjasama dengan Kerajaan untuk mengekalkan kesejahteraan dan ketenteraman negara.

Dengan adanya perpaduan yang lebih erat dan kestabilan politik dan keadaan keselamatan yang bertambah baik maka dapatlah kita hadapi akan cabaran-cabaran dalam lapangan sosial dan ekonomi pada tahun-tahun hadapan dengan lebih yakin lagi. Dalam Titah Ucapan Beta yang lalu Beta telah menyentuh mengenai masaalah kenaikan harga barang-barang atau inflasi yang dihadapi oleh negara pada masa itu dan langkah kewangan dan juga fizikal yang telahpun diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan bebanan inflasi ke atas rakyat terutamanya mereka yang berpendapatan rendah. Langkah-langkah tersebut telahpun memberi kesan. Walau bagaimanapun tanda-tanda jelas menunjukkan bahawa seluruh dunia akan terus mengalami kemerosotan ekonomi. Dunia sekarang adalah dipengaruhi oleh aliran yang menuju kepada satu keadaan apa yang dinamakan oleh pakar ekonomi sebagai stagflasi. Keadaan ini sudah pun terlebih dahulu dirasai oleh negara-negara perindustrian, iaitu satu keadaan inflasi yang berterusan berserta dengan keadaan ekonomi semakin merosot dan pengangguran semakin merebak. Sebagai sebuah negara yang bergantung kepada perdagangan luar, Malaysia adalah terdedah kepada pengaruh ekonomi dunia. Ini akan menyebabkan harga barang-barang eksport negara kita akan semakin jatuh. Kerajaan Beta memandag berat hal ini dan berazam mengambil tindakan supaya segala dasar dan rancangan akan dilaksanakan untuk mengurangkan kesan yang dibawa oleh stagflasi itu. Langkah-langkah untuk menghadapi masaalah ini akan dihuraikan dengan panjang lebar apabila Kerajaan mengumumkan Belanjawan tahun 1975 pada minggu hadapan.

Bagi menghadapi keadaan yang akan dialami oleh kita semua itu, sukalah Beta menyeru kepada semua lapisan rakyat menyesuaikan pemikiran, sikap dan cara hidup untuk menghadapi tekanan ekonomi ini semuga kita semua tidak terlalu menanggung akibatnya. Adalah wajar bagi kita mengambil langkah-langkah seperti mempergiatkan usaha menambahkan pengeluaran

barang-barang makanan asas yang mencukupi dan mengurangkan impot bahan-bahan seperti itu. Dengan cara yang demikian negara kita tidaklah sangat bergantung kepada barang-barang makanan yang diimpot dengan harga yang tinggi. Kita hendaklah memperbanyakkan industri yang menggunakan barang-barang mentah tempatan seperti getah, kayu-kayan, kelapa sawit dan juga hasil ternakan dan perikanan. Langkah-langkah yang Beta sebutkan itu hanya berjaya dengan penyertaan dan kerjasama seluruh rakyat. Matlamat kita ialah menuju ke arah berdikari dalam serba segi.

Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat:

Beta suka mengingatkan juga dalam menghadapi masaalah stagflasi ini kita janganlah berputus asa tetapi hendaklah menyedari kekuatan yang ada pada kita, kerana lazimnya cabaran-cabaran ada juga membawa peluang-peluang kebaikan yang tersembunyi. Negara kita dianugerah dengan tanah yang subur, hasil bumi yang kaya, pengurusan yang cekap dan sifat dinamis dan ketabahan hati di kalangan rakyat Beta yang boleh digunakan dengan sepenuhnya.

Sejajar dengan langkah untuk menambahkan bekalan makanan kita sendiri, ajensi-ajensi Kerajaan akan memainkan peranan yang lebih giat lagi bagi menambahkan pengeluaran di samping menjalankan penyelidikan bagi meninggikan mutu dan hasil bahan-bahan tanaman dan perikanan. Kawasan-kawasan pertanian juga akan diperluaskan lagi.

Di dalam bidang menggunakan kekayaan bumi negara, Beta gembira kerana kita berada di satu ambang baru ekonomi dengan penemuan sumber petroliaam dan gas asli. Beta bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wataala kerana di saat negara-negara lain terus mengalami krisis tenaga kita bertuah menjumpai sumber tenaga kita sendiri.

Kerajaan Beta telahpun menubuhkan Perbadanan Petroliaam Nasional iaitu PETRONAS, yang diberi kuasamilik dan kawalan ke atas semua perkara-perkara berkaitan dengan petroliaam di samping menyertai secara aktif di semua peringkat perusahaan itu dari pengeluaran hinggalah kepada pengedaran. Dengan ini Kerajaan akan dapat menentukan bahawa rakyat dan negara akan mendapat menafaat yang sebesar-besarnya dari kekayaan hasil bumi ini. Ini adalah sesuai dengan hasrat kita untuk berdikari di dalam semua lapangan seperti pengeluaran baja, bahan-bahan mentah bagi membuat plastik dan lain-lain barang yang ada kaitan dengan perusahaan petroliaam. Oleh yang demikian ramai rakyat kita akan berpeluang mendapat pekerjaan dan memperolehi kemahiran. Dalam perusahaan petroliaam ini peluang-peluang baru akan muncul dan perkara ini tidak dapat tidak akan menolong Kerajaan Beta terus melaksanakan Dasar Ekonomi Baru.

Walaupun Kerajaan Beta berhasrat untuk dapat berdikari dalam semua lapangan, Kerajaan akan terus menggalak penanaman dan pelaburan modal asing untuk faedah negara dan juga terus menawarkan galakan-galakan yang paling menarik. Kestabilan politik di negara ini merupakan jaminan yang teguh terhadap pelaburan modal asing. Sungguhpun begitu pelaburan demikian hendaklah mematuhi panduan-panduan yang telahpun ditetapkan bagi pemilikan dan penguasaan ekonomi. Selain daripada itu pemodal asing harus juga menyedari hasrat rakyat dan Kerajaan untuk membangunkan negara dalam semua bidang pembangunan. Pelabur-pelabur asing boleh memainkan peranan masing-masing dalam proses tersebut untuk kepentingan bersama seperti melatih werganegara dalam bidang-bidang kemahiran yang khusus dan pengurusan perindustrian yang tinggi.

Kerajaan Beta akan terus memperluaskan perdagangan antarabangsa dan mencari pasaran baru bagi bahan-bahan utama negara di pasaran dunia terutama di negara-negara Arab dan negara-negara sahabat di Asia Barat.

Dalam bidang memperluaskan perhubungan darat, udara dan laut, Kerajaan akan memperbanyakkan perkhidmatan terutamanya di sektor dalam negeri untuk merapatkan perhubungan di antara negeri-negeri di Semenanjung Malaysia dengan negeri-negeri Sabah dan Sarawak di samping memperbaiki juga perkhidmatan di antara negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Jalanraya-jalanraya akan terus dibina dan diperbaiki. Lebohraya-lebohraya yang akan akhirnya menghubungkan Kota Kinabalu dengan Kuching, Pantai Timur dengan Pantai Barat Sabah sedang dilaksanakan. Rancangan serentak TV Sabah, Sarawak dan

Semenanjung Malaysia dijangka akan dimulakan pada akhir tahun 1975, iaitu sebaik-baik sahaja setesyen setelit bumi di Sabah disiapkan. Baharu-baharu ini bagi kali pertamanya, kita telah menyiarkan siaran serentak Pertandingan Membaca Quran Peringkat Antarabangsa ke Kuwait melalui setesyen setelit bumi di Kuantan. Bagi perkhidmatan talikom pula, usaha yang lebih akan ditumpukan untuk memoden dan mengembangkan kemudahan-kemudahan itu bagi memenuhi keperluan rakyat terutamanya kawasan-kawasan kurang maju di mana perusahaan-perusahaan baru digalakkan. Usaha-usaha dalam bidang perhubungan yang Beta sebutkan, selain daripada merupakan sebahagian proses pembangunan dan pemodenan negara, adalah juga merupakan satu usaha untuk menjalin perpaduan dan untuk mengujudkan identiti nasional di kalangan rakyat.

Kerajaan Beta akan terus berusaha untuk memberi kemudahan-kemudahan sosial dengan seluas-luasnya, supaya lebih ramai lagi rakyat dapat menikmati kemudahan-kemudahan asas dalam kehidupan mereka sehari-hari. Dalam bidang kesihatan, Kerajaan berazam meninggikan lagi taraf kesihatan rakyat. Usaha-usaha seperti membina hospital-hospital baru, membaiki keadaan yang ada, menambahkan bilangan doktor dan lain-lain anggota akan terus dilaksanakan. Di sini sekalian rakyat Beta hendaklah mengambil berat dan memainkan peranan masing-masing ke arah mencapai matlamat Kerajaan.

Dalam bidang perumahan awam, Kerajaan Beta akan melaksanakan pemikiran baru dan akan terus memberi pinjaman wang kepada Kerajaan-kerajaan Negeri supaya dapat melaksanakan rancangan-rancangan perumahan awam khasnya kepada mereka yang berpendapatan rendah dan tidak mempunyai rumah yang sempurna. Rancangan-rancangan perumahan segera bagi anggota-anggota berpangkat rendah Pasukan Tentera dan Polis akan juga dilaksanakan. Dalam segala rancangan perumahan itu perhatian yang berat akan diberi kepada penggunaan bahan-bahan binaan tempatan seperti kayu-kayan dan sebagainya supaya harga rumah-rumah itu menjadi rendah dan boleh dibina dengan lebih banyak dan cepat lagi. Pemaju-pemaju perumahan swasta juga hendaklah menceburkan diri mereka dengan lebih giat lagi terutamanya di kawasan-kawasan di mana keadaan perumahan adalah mendesak.

Dalam titah ucapan Beta yang lalu, Beta telah menyebutkan masaalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk kampung baru mengenai tanah dan rundingan-rundingan yang telah dibuat dengan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk mengatasi masaalah tersebut. Beta mendapat ketahuhi Kerajaan-kerajaan Negeri telah bersetuju menimbang untuk memberi milik secara kekal kepada tanah-tanah di kampung-kampung baru dengan syarat-syarat dan perjanjian yang berpatutan. Dengan itu, penduduk-penduduk kampung baru boleh mengharapkan pemilik tanah yang lebih terjamin serta juga mendapat kemudahan-kemudahan asas yang lain.

Dalam bidang pelajaran pula Kerajaan Beta akan sentiasa mengkaji dan menyesuaikan sistem pelajaran kebangsaan untuk memenuhi keperluan pembangunan negara, kemajuan sains dan teknologi serta melahirkan warganegara yang berakhlak tinggi. Sebuah Jawatankuasa Kabinet telahpun ditubuhkan bagi menyemak pelaksanaan dasar pelajaran untuk mengetahui samada ianya berkesan dan berjaya mencapai matlamat negara mengujudkan rakyat yang bersatu-padu, berdisiplin dan terlatih dengan memberi timbangan khas kepada kurikulum dan kepada menentukan samada ianya menepati kehendak-kehendak negara terhadap tenaga manusia, dalam jangka pendek dan jangka panjang. Kajian ini akan dijalankan berpandukan kepada rangka dasar pelajaran kebangsaan.

Pembangunan ekonomi hendaklah juga disertai dengan pembangunan kerohanian terutamanya dikalangan muda-mudi. Pembangunan akhlak tidaklah harus diabaikan. Usaha memupukkan akhlak yang mulia dikalangan rakyat memerlukan didikan dan pelajaran akhlak yang lebih mendalam dikalangan rakyat Beta.

Kerajaan Beta berazam mempertahankan kedaulatan undang-undang di negara kita. Tindakan-tindakan yang dijalankan oleh mana-mana pihak hendaklah menepati lunas-lunas undang-undang demi kebahagiaan dan ketenteraman hidup rakyat sekalian. Kerajaan Beta tidak akan teragak-agak mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang mengancam kebahagiaan dan ketenteraman hidup rakyat.

Dalam usaha melahirkan satu bangsa yang berdisiplin yang sangat diperlukan bagi menentukan kesejahteraan negara pada masa hadapan, rakyat Beta terutamanya kaum belia hendaklah mengamalkan sifat yang mulia sejajar dengan prinsip-prinsip Rukun Negara.

Kerajaan Beta sentiasa bersikap adil terhadap pekerja-pekerja serta melindungi kepentingan-kepentingan dan kebajikan mereka. Kerajaan Beta akan meninggikan kadar sumbangan dari pihak majikan dan pekerja kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja memandangkan kepada hakikat kadar sumbangan itu telahpun ditetapkan beberapa tahun dahulu. Langkah ini adalah bertujuan untuk kebaikan pekerja-pekerja sendiri apabila mereka bersara kelak.

Negara kita memainkan peranan yang aktif dalam Pertubuhan Buruh Antarabangsa iaitu ILO, dan mengambil bahagian yang cergas dalam aktiviti-aktivitinya yang menyebabkan kita dihormati dan disanjung. Pekerja-pekerja hendaklah menyedari hakikat ini. Oleh itu Beta menyeru kepada sekalian pekerja, kesatuan sekerja dan majikan supaya bertanggungjawab dan sentiasa mengutamakan kepentingan negara, lebih-lebih lagi dalam keadaan negara menghadapi masaalah stagflasi. Mereka hendaklah juga mengambil kira akibat tindakan mereka kepada kedudukan ekonomi negara.

Dalam bidang luar negeri, Kerajaan Beta akan mempergiatkan dasar berbaik-baik dengan semua negara yang ingin bersahabat dengan negara kita tanpa mengira ideologi atau sistem politik mereka. Penubuhan perhubungan diplomatik dengan Republik Rakyat China membuka peluang-peluang perdagangan dan juga membolehkan rundingan-rundingan lanjut diadakan dengan negara itu untuk menyelesaikan masaalah-masaalah bersama. Kerajaan akan terus memainkan peranan yang aktif bagi mengeratkan perhubungan diplomatik dan perdagangan dengan negara-negara Islam. Dengan adanya perhubungan diplomatik, Kerajaan berharap akan dapat mengadakan lebih banyak perdagangan, pelaburan modal, usaha bersama, bantuan teknik, kerjasama dalam bidang ugama dan lain-lain. Beta sendiri tidak berapa lama lagi akan berangkat melakukan lawatan ke negara-negara Bangladesh, India dan Pakistan untuk mengeratkan lagi tali persaudaraan kita dengan negara-negara itu. Beta juga bercadang berangkat membuat lawatan tidak resmi ke negara Arab Saudi untuk menunaikan fardu haji.

Dalam rangka kerjasama serantau, Kerajaan Beta menerusi ASEAN akan mengambil tindakan bersama untuk menentukan tindakan-tindakan yang diambil oleh negara-negara perindustrian yang besar tidak menjejaskan kepentingan ekonomi negara-negara ASEAN sendiri. Kerajaan Beta akan bekerjasama dengan negara-negara ASEAN yang juga merupakan pengeluar bahan-bahan mentah dunia yang penting supaya dapat mempengaruhi dan menentukan kesetabilan harga bahan-bahan seperti bijih timah, getah dan sebagainya. Pertubuhan ASEAN juga boleh memainkan peranan yang lebih luas meliputi semua aspek kepentingan bersama seperti kerjasama di dalam perdagangan dan perindustrian, pelaburan modal, usaha bersama, perhubungan kebudayaan dan sebagainya.

Negara kita telah menempuh berbagai rintangan dan berjaya mengatasi rintangan-rintangan tersebut. Beta menyeru seluruh rakyat supaya insaf dan bersiap sedia menghadapi masa depan negara dengan penuh azam, tabah dan disiplin untuk kita terus berjaya dalam segala usaha ke arah mencapai sebuah masyarakat yang adil dan saksama.

Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat:

Akhirkata, Beta berdoa kehadiran Allah Subhanahu Wataala moga-moga dianugerahi taufik dan hidayahNya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam menyempurnakan kewajipan yang diamanahkan.

The English Translation is as follows:

Mr President, Mr Speaker, Honourable Members of Dewan Negara and Dewan Rakyat:

I give thanks to Almighty God for His blessings which has enabled me to deliver this address before Honourable Members of both Houses today on the occasion of the official opening of the First Meeting of the First Session of the Fourth Parliament. This is the second occasion that I address Parliament this year and this time after the national election.

It is indeed gratifying that the recent national election was held peacefully. This proves that the people firmly believe and uphold the concept of parliamentary democracy. In this respect I would like to thank all concerned particularly the Election Commission and the security forces for their respective roles in the election.

On this historic occasion, it is with pleasure that I welcome all the Members of Parliament, especially Members of the Dewan Rakyat. I would like to congratulate them on their successful election to represent the people in this honourable House. I hope that Honourable Members will carry out their responsibilities which have been entrusted on to them by the people with dedication, vigour and integrity so that the people would achieve a higher standard of living in an atmosphere of peace and harmony.

I would also like to take this opportunity to congratulate our beloved Prime Minister, Tun Haji Abdul Razak bin Hussein, for the success he gained at the recent elections when he secured a big mandate and the solid confidence of the people to form a new government. Political stability and solidarity amongst the people augur well for achieving national unity. The new action-oriented Cabinet is determined to carry out fully all its responsibilities. I am pleased to note that many of the Members of the Government consist of young people who will be able to make their contribution to the nation beside also gathering experience and instilling greater efficiency that would be useful for the future.

It is right that we should give thanks to Almighty God that the security situation in the country is under control. In Sarawak, the situation continues to improve and the State is nearly free from the menace of the remnants of the communist terrorists. With the improved security situation, the people will be able to play a greater role in national development. However, the people should always be vigilant because the communist terrorists keep changing their tactics to find opportunities to create trouble. I am confident that all those who love peace will continue to cooperate with the Government in maintaining peace and tranquility.

With greater unity and political stability and with the security situation improving, the country will be able to face more vigorously challenges in the social and economic fields in the years ahead. In my previous address I referred to the problem of inflation which this nation faced and to the fiscal and monetary measures taken by the Government to lessen the effects of inflation especially on those with low income. The measures taken have been effective. However, there is a clear indication that the world will continue to face deterioration in the economy. It is entering a phase which is known as stagflation. The industrial world is already facing this problem when there is continuing inflation and at the same time recession and increasing unemployment. Malaysia, being a country dependent on foreign trade, is naturally exposed to developments in the world economy. As such the prices of our export commodities can be expected to decline further. My Government is taking a serious view of this and is determined to ensure that its policies and programmes will lessen the effects of stagflation on the people. The steps which will be taken to face this problem will be explained in detail when my Government presents its Budget for 1975 next week.

In facing the expected economic stress, I call upon all the people to adapt their way of thinking, their attitudes and their way of life so that we will not be too badly affected. We should take appropriate measures such as intensifying our efforts to produce sufficient basic foodstuff. In this way our country will not be too heavily dependent on highly-priced imported foodstuff. The number of industries using local raw materials such as rubber, timber, palm

oil and also livestock should be increased. All these measures that I have mentioned will only succeed with the cooperation and active participation of the people. Our objective is to be self-reliant in all fields.

Honourable Members of Dewan Negara and Dewan Rakyat:

In facing the problem of stagflation we should not despair but we should be aware of our strength because normally challenges will also bring about hidden opportunities for the better. Our country is endowed with fertile land, rich natural resources and we have efficient management and also the dynamism and resilience of the people all of which must be utilised to the full.

Government agencies will play their due role in increasing food production. In the field of agriculture, research will be carried out to increase the quality and quantity of agricultural produce. The same will apply in the case of fishery. More land will be brought under agriculture.

With regard to the exploitation of natural resources, it is indeed gratifying to note that we are entering a new economic dimension with the discovery of petroleum and natural gas. We must all give thanks to Almighty God for at a time when other countries are facing an energy crisis, we are blessed with our own energy resources.

My Government has established the Perbadanan Petroliam Nasional, i.e., PETRONAS, which has been given ownership and control of all matters relating to oil and at the same time taking an active part at all levels of the industry from production to marketing. In this way, my Government will be able to ensure that the people will get the fullest benefit from our rich natural resources. This is in line with our objective to be self-reliant in fields such as fertilizers, raw materials for plastics and other commodities relating to the petroleum industry. Many of our people will have the opportunity to get employment and to acquire new skills. There will be new opportunities in the petroleum industry and this will undoubtedly help my Government in implementing the New Economic Policy.

Although my Government intends to be self-reliant in all fields, it will continue to encourage foreign capital investments by continuing to offer very attractive incentives. Political stability in the country is an assurance for foreign capital investments. However, such investments will have to abide by the guidelines which have already been set out. Foreign investors should realise the desire of the people and the Government to develop the country in all fields. Foreign investors should play their respective roles for mutual benefit in such matters as training citizens in special skills and in management.

My Government will continue to increase international trade and will find new markets for our commodities in the world market especially in Arab countries and friendly countries in West Asia.

In the field of land, air and sea communications, my Government will expand such services, especially domestic services, so as to foster closer relationship between those who live in Peninsular Malaysia with those in the States of Sabah and Sarawak whilst at the same time improving communications in Peninsular Malaysia. More roads will be constructed and improved. Highways which will eventually link Kota Kinabalu and Kuching and also the east and the west coasts of Sabah are being constructed. Simultaneous T.V. programmes for Sabah, Sarawak and Peninsular Malaysia are expected to begin towards the end of 1975, that is, as soon as the earth satellite station in Sabah is completed. Recently for the first time we had live telecast of our International Quran Reading Competition to Kuwait via the earth satellite station at Kuantan. As regards telecommunications services, greater efforts will be

made in modernising and expanding such services to fulfil the needs of the people especially in the less developed areas where new industries are being encouraged. These improvements in the field of communications will not only serve national development and modernisation but also promote national solidarity and national identity amongst the people.

My Government will continue to provide social facilities to enable more people to enjoy basic amenities. In the field of health, my Government is determined to raise the health standard of the people. Efforts such as building new hospitals, improving existing facilities in the hospitals, increasing the number of doctors and other staff will continue to be carried out. In this respect, the people should carry out their responsibilities and play their part in achieving the Government's objective in improving health.

With regard to public housing, my Government will adopt a new approach and will continue to give loans to State Governments to enable them to implement public housing schemes especially for those with low incomes and who are badly housed. Crash housing schemes for the rank and file of the Armed Forces and the Police will also be carried out. In these schemes, my Government is encouraging the use of local construction material such as timber and other material so as to ensure that the prices are low and that more houses can be built at a faster rate. Private housing developers should also play a bigger role especially in building houses in areas where the housing problem is acute.

In my previous address, I touched on the land ownership problem faced by new villagers and the negotiations with State Governments to overcome it. I note that the State Governments have agreed to consider granting permanent land titles to new villages on reasonable terms and conditions. As a result, new villagers can expect greater security in land tenure whilst at the same time enjoying other basic facilities.

In the field of education, my Government will review and adjust the national education system from time to time to meet the needs of national development, scientific and technological progress as well as to produce citizens with high morals. A Cabinet Committee has been established to appraise the implementation of the education policy to ascertain whether it is effective and successful in achieving our national objective of producing united, disciplined and trained citizens and also whether it is in line with the national manpower requirements, both in the short-term and the long-term. In its review, the Committee will also give special attention to the curriculum. This appraisal will be conducted within the framework of the national education policy.

Economic development must also be accompanied by spiritual development especially amongst the youths. Moral development should not be neglected. Efforts to foster high morals among the people require comprehensive and proper moral training and education.

My Government is determined to defend the rule of law in this country. Action from any quarter should be in conformity with the rule of law in the interest of happiness and tranquility of all the people. My Government will not hesitate to take stern measures against those who endanger the people's peace and happiness.

In our effort to produce a disciplined nation which is essential to ensure our future well-being, our people especially the youth, should practise good characteristics in accordance with the principles of the Rukunegara.

My Government has always adopted a just attitude towards workers and has protected their interests and their welfare. My Government will increase the rate of contribution by employers as well as employees towards the Employees Provident Fund in view of the fact that the present rate was determined several years ago. This is for the betterment of the workers themselves when they retire.

Malaysia takes an active part in the International Labour Organization, that is the ILO. We are respected and favourably looked upon by the Organization. The workers should realize this fact. I, therefore, call upon all workers, trade unions and employers to be responsible and always give priority to the national interest more so at a time when the nation is facing the problem of stagflation. They should also take into account the consequences of their action on the national economy.

In the field of foreign relations, my Government will continue to pursue vigorously the policy of friendship with all countries that wish to be friendly with us regardless of their ideology or political system. The establishment of diplomatic relations with the People's Republic of China paves the way for greater trade opportunities and further discussions to solve mutual problems. The Government will continue to play an active role in bringing about closer diplomatic and trade relations with Islamic countries. Through the strengthening of our diplomatic links, my Government hopes to have more trade, capital investment, joint-ventures, technical assistance and cooperation in religious and other matters. I will soon be paying a State visit to Bangladesh, India and Pakistan to further strengthen our relationship with these nations. I will also be visiting to Saudi Arabia to perform the Haj.

Within the framework of regional cooperation, my Government, through ASEAN will take steps jointly to ensure that the action taken by major industrial countries do not endanger the economic interests of ASEAN nations. My Government will cooperate with other ASEAN nations which are major producers of raw materials so that prices of commodities such as tin ore, rubber and others are stable. ASEAN can in addition play a bigger role in many fields for the mutual benefit of member nations, such as cooperation in trade and industry, capital investment, joint-ventures, cultural relations and the like.

Our nation has faced various problems in the past and has succeeded in overcoming them. I call upon all the people to be ready to equip themselves in facing the nation's future with full determination, resilience and discipline so as to ensure greater success in our efforts to create a just society.

Honourable Members of Dewan Negara and Dewan Rakyat:

I pray to Allah that HE may bestow HIS blessings upon you in the discharge of the responsibilities that have been entrusted upon you.

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan mempersetujuka Akta-akta yang telah diluluskan oleh Dewan Parlimen dalam mesyuarat Parlimen yang lalu.

Akta-akta tersebut adalah seperti berikut:

1. Akta Acara Kewangan dan Kumpulanwang Pembangunan (Pindaan), 1974;
2. Akta Kumpulanwang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun), 1974;
3. Akta Politeknik Ungku Omar, 1974;
4. Akta Kerajaan Tempatan (Peruntukan-peruntukan Sementara) (Pindaan), 1974;
5. Akta Pencen Balu dan Anak Yatim (Sarawak) (Pindaan), 1974;
6. Akta Pencen Balu dan Anak Yatim (Sabah) (Pindaan), 1974;
7. Akta Perbekalan Tambahan (1973 dan 1974), 1974;
8. Akta Persatuan Nelayan dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Pindaan), 1974;
9. Akta Racun Makhlok Perosak, 1974;
10. Akta Doktor Veterinar, 1974;
11. Akta Persekutuan Pengakap-pengakap Malaysia, 1974;
12. Akta Pengangkutan Melalui Udara, 1974;
13. Akta Pemegang Amanah (Pindaan), 1974;
14. Akta Kemajuan Petroliaam, 1974;
15. Akta Kumpulanwang Kutu (Pengekshahan), 1974;
16. Akta Galakan Pelaburan (Pindaan), 1974;
17. Akta Bank Simpanan Nasional, 1974;
18. Akta Bahan Letupan (Pindaan), 1974;
19. Akta Senjata (Pindaan), 1974;
20. Akta Pembasmi Malaria (Pindaan), 1974;
21. Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan), 1974; dan
22. Akta Pelajaran (Pindaan), 1974.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara memersetujukan Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan itu.

Saya jemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

(Setiausaha membacakan Perutusan)

“Tuan Yang di-Pertua,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara memersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Perbekalan, 1975;
2. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1974);
3. Rang Undang-undang Acara Kewangan dan Kumpulanwang Pembangunan (Pindaan) (No. 2);
4. Rang Undang-undang Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Peruntukan-peruntukan Khas);
5. Rang Undang-undang Pembahagian (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Mahkamah Keadilan (Pindaan);
7. Rang Undang-undang Pencen Balu dan Anak Yatim (Sarawak) (Pindaan) (No. 2);
8. Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan);
9. Rang Undang-undang Bank Pembangunan Islam;
10. Rang Undang-undang Penerbangan Awam (Pindaan);
11. Rang Undang-undang (Saraan) Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang di-Pertua Dewan Rakyat (Pindaan);
12. Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) (No. 4);
13. Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan;
14. Rang Undang-undang Lalulintas Jalan (Pindaan);
15. Rang Undang-undang Cukai Spekulasi Tanah (Pindaan);
16. Rang Undang-undang Cukai Perjudian (Pindaan);
17. Rang Undang-undang Pemegang Amanah (Pindaan);
18. Rang Undang-undang (Saraan, Pencen dan Ganjaran) Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen;

19. Rang Undang-undang Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit;
20. Rang Undang-undang Kawalan Harga (Pindaan) (No. 2);
21. Rang Undang-undang Kawalan Bekalan (Pindaan);
22. Rang Undang-undang Peruntukan Di-Raja (Pindaan); dan
23. Rang Undang-undang Perbandaran dan Lembaga Bandaran (Pindaan).

Tandatangan:

Yang di-Pertua Dewan Rakyat.”

URUSAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Undang-undang (Datuk Athi Nahappan): Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya semua Rang Undang-undang yang tersebut itu dibacakan Kali Yang Kedua dan Ketiga di Mesyuarat ini. Rang Undang-undang itu adalah seperti di bawah ini:

1. Rang Undang-undang Perbekalan, 1975;
2. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1974);
3. Rang Undang-undang Acara Kewangan dan Kumpulanwang Pembangunan (Pindaan) (No. 2);
4. Rang Undang-undang Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Peruntukan-peruntukan Khas);
5. Rang Undang-undang Pembahagian (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Mahkamah Keadilan (Pindaan);
7. Rang Undang-undang Pencen Balu dan Anak Yatim (Sarawak) (Pindaan) (No. 2);
8. Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan);
9. Rang Undang-undang Bank Pembangunan Islam;
10. Rang Undang-undang Penerbangan Awam (Pindaan);
11. Rang Undang-undang (Saraan) Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang di-Pertua Dewan Rakyat (Pindaan);
12. Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) (No. 4);

13. Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan;
14. Rang Undang-undang Lalulintas Jalan (Pindaan);
15. Rang Undang-undang Cukai Spekulasi Tanah (Pindaan);
16. Rang Undang-undang Cukai Perjudian (Pindaan);
17. Rang Undang-undang Pemegang Amanah (Pindaan);
18. Rang Undang-undang (Saraan, Pencen dan Ganjaran) Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen;
19. Rang Undang-undang Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit;
20. Rang Undang-undang Kawalan Harga (Pindaan);
21. Rang Undang-undang Kawalan Bekalan (Pindaan);
22. Rang Undang-undang Peruntukan Di-Raja (Pindaan); dan
23. Rang Undang-undang Perbandaran dan Lembaga Bandaran (Pindaan).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

PERTANDINGAN MEMBACA AL-QURAN—UNDANGAN KEPADA BUKAN BUMIPUTRA

1. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob minta Perdana Menteri menyatakan samada rakyat Malaysia bukan bumiputra ada diundang untuk menyaksikan pertandingan membaca Al-Quran peringkat kebangsaan dan antarabangsa baru-baru ini, jika ya, mengapa bilangan mereka yang hadir terlalu kecil.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia yang bukan bumiputra ada dijemput untuk menyaksikan ataupun menghadiri pertandingan membaca Al-Quran di Peringkat Kebangsaan pada tahun 1974. Bilangan mereka yang hadir tidaklah ramai,

ini mungkin juga oleh sebab kurang minat ataupun kurang faham dari mereka yang bukan beragama Islam.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Islam ialah Ugama Rasmi mengikut Perlembagaan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menimbangkan supaya bukan sahaja pegawai Kerajaan, tetapi Menteri-menteri yang bukan Islam patut hadir pada hari pembukaan pertandingan Al-Quran, terutama pada masa Pertandingan Antara-bangsa, oleh sebab Islam ialah Ugama Rasmi negara ini mengikut peruntukan Perlembagaan.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kita menjemput Menteri-menteri kita yang bukan Islam, tetapi kita tidak boleh memaksa mereka hadir. Itu terpulang kepada mereka, tetapi saya rasa daripada satu masa ke satu masa kesedaran akan ada dan mereka akan hadir.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Sebagaimana jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan tadi bahawa sebilangan ramai jemputan kita yang bukan beragama Islam tidak dapat hadir dalam majlis pertandingan membaca Al-Quran itu. Dengan keadaan ini adakah di masa akan datang Kerajaan tidak lagi akan menjemput mereka itu?

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan orang-orang yang bukan Islam itu kurang minat. Dengan sebab itu, mereka tidak dapat datang dalam pertandingan membaca Al-Quran itu. Oleh kerana mereka kurang minat dan bilangan mereka kurang menghadiri dalam pertandingan ini, adakah di masa akan datang kita tidak akan menjemput orang-orang yang bukan Islam di majlis itu?

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu elok saya beri penerangan iaitu saya kata mungkin. Saya tidak kata kurang minat—saya kata mungkin. Saya pun was-was berkanaan dengan hal ini. Saya masih berpendapat bahawa itu adalah soalan lain.

Tuan Haji Othman bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pada tiap-tiap kali pertandingan membaca Al-Quran itu kita adakan, banyak daripada golongan-golongan yang bukan Islam hadir di dalam pertandingan itu. Saya sebagai Jawatan-kuasanya memerhatikan bahawa banyak golongan-golongan yang hadir itu terdiri daripada golongan yang bukan Islam. Ada satu sahaja masalaahnya iaitu ada di antara Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini tidak mendapat jemputan walaupun mereka ada berminat. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri memikirkan pada masa akan datang surat-surat undangan itu diberikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat terutamanya dalam Dewan ini.

Datuk Abdullah Ahmad: Boleh, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Untuk merapatkan perpaduan antara kaum di dalam negara kita, saya ingin tahu adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri mempunyai rancangan pada masa akan datang kita akan mengadakan lebih publisiti untuk orang-orang yang bukan Islam dengan bahasa Tamil dan Cina untuk menarik orang-orang yang bukan Islam itu hadir di masa pertandingan membaca Al-Quran.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengambil perhatian.

KAMPUNG-KAMPUNG BARU DI KAWASAN PAHANG TENGGARA

2. **Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob** minta Perdana Menteri menyatakan bilangan kampung-kampung baru yang telah dibuka setakat ini di kawasan Pahang Tenggara.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada kampung-kampung baru yang dibuka ataupun dicadangkan bagi kawasan Pahang Tenggara. Walau bagaimanapun, sebanyak 36 buah bandar telah dicadangkan dalam Rancangan Induk (Master Plan) Pahang Tenggara. Daripada jumlah tersebut tiga buah bandar akan diperbesarkan daripada bandar yang telah ada iaitu Kuala Rompin, Kuala Pontian, dan Bukit Ibang. Pada masa ini pelan-pelan secara detail telahpun dibuat bagi bandar-bandar 10, 22, 14 dan 5. Tender-tender bagi

pembangunan peringkat pertama, pembangunan kediaman ataupun residential development untuk bandar 10 iaitu Bukit Redan yang akan menjadi pusat kawasan adalah dalam proses pengeluaran.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya telah dengar beberapa banyak bandar-bandar baru akan dibuka bukannya kampung-kampung baru, sebab memang tidak dibuka lagi kampung-kampung baru atau new villages, pada masa dharurat dahulu new villages dibuka—oleh kerana takut kepada kominis. Saya hendak tahu ada atau tidak dasar Kerajaan apabila membuka pekan-pekan baru Kerajaan memerhatikan supaya penduduk-penduduk dalam pekan baru itu samada kedainya, pasarnya dan lain-lain hendaklah ada tempat-tempat di mana bukan sahaja orang lain, tetapi bumiputra, sekurang-kurangnya diutukkan 60% untuk perniagaannya.

Datuk Abdullah Ahmad: Kita akan mengambil perhatian.

WILAYAH PERSEKUTUAN—BAYARAN PENDAHULUAN KEPADA KERAJAAN SELANGOR

3. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah pampasan yang telah dibayar kepada Kerajaan Negeri Selangor bagi kawasan sejuas 94 batu persegi yang menjadi Wilayah Persekutuan.

Timbalan Menteri Kewangan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, dengan tertubuhnya Wilayah Persekutuan, Kerajaan Persekutuan telah bersetuju membayar wang pendahuluan sebanyak \$250,000,000 kepada Kerajaan Negeri Selangor sementara menentukan taksiran ke atas harta-harta kepunyaan Kerajaan Negeri Selangor. Wang pendahuluan ini dibayar secara beransur-ansur dan sehingga ini sebanyak \$150,000,000 telah dibayar.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Soalan tambahan. Adakah pembayaran itu dilakukan setelah satu statement dikeluarkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor mengatakan bahawa wang bantuan ini belum diterima daripada Kerajaan Pusat, adakah pembayaran itu dibayar setelah satu

statement Yang Amat Berhormat Menteri Besar itu atau pembayaran itu dilakukan sebelum statement itu dibuat?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya telah terangkan Kerajaan Persekutuan membayar wang pendahuluan ini kepada Kerajaan Negeri Selangor dengan cara beransur-ansur. Saya tidak dapat memberi penjelasan di sini samada statement atau kenyataan yang dikeluarkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor itu ialah sebelum kita membayar ataupun selepas kita membayar oleh kerana pihak Kerajaan Persekutuan membayar wang ini dengan cara beransur-ansur.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Soalan tambahan. Adakah Kerajaan sedar dengan adanya statement tersebut bahawa pembayaran itu belum dijelaskan samada dibayar dengan sekali gus atau beransur-ansur yang menimbulkan satu pandangan umum bahawa tidak ada kerjasama di antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri Selangor?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya di peringkat pegawai dan juga peringkat Menteri ada perhubungan yang erat di antara Kerajaan Negeri Selangor dengan Kerajaan Pusat berkenaan dengan masalah-masalah yang berbangkit berkenaan dengan tertubuhnya Wilayah Persekutuan.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Saya telah mendengar tentang cara membayar kepada Kerajaan Negeri Selangor oleh kerana Wilayah Persekutuan ini dahulunya dipunyai oleh Negeri Selangor, maka Kerajaan Negeri Selangor atau Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor telah memberi kawasan itu kepada Kerajaan Pusat untuk dijadikan Pusat Negara ini. Dengan sebab itu, satu bandar baharu, Shah Alam akan didirikan dan memakan belanja yang banyak untuk mendirikan bandar baru sebagai Ibu Negeri Selangor. Saya hendak bertanya begini: Sebanyak \$250 juta yang telah diterangkan oleh Timbalan Menteri Kewangan tadi sebagai compensation secara beransur-ansur, bagaimana pembayaran cara beransur-ansur ini, adakah cara beransur apabila telah dibulldozer tanah itu diberi sekian banyak, kemudian apabila setelah

didirikan rumah-rumah Kerajaan maka diberikan sekian banyak, ataupun dari setahun ke setahun—diberi \$50 juta sampai 5 tahun mencukupi \$250 juta—itu yang saya hendak bertanya.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, pembayaran ini ialah sebagai pendahuluan dan tidaklah bergantung atas perlaksanaan projek di Shah Alam, tetapi Kerajaan Persekutuan menjangka dalam tahun ini juga \$250 juta itu akan dibayar semua.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Timbalan Menteri Kewangan baru sebentar tadi, dapatkah Kementerian Kewangan mengakui bahawa apa yang dikatakan oleh Kerajaan Negeri khasnya Negeri Selangor bahawa pembayaran kepada Kerajaan Negeri itu sengaja dilambat-lambatkan oleh Kerajaan Pusat? Adakah ini dapat diakui oleh Kementerian Kewangan?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat apa-apa teguran daripada Kerajaan Negeri Selangor bahawa pembayaran ini adalah dilambat-lambatkan. Saya patut terangkan di sini bahawa Kerajaan Persekutuan tidak hendak sengaja melambat-lambatkan pembayaran ini, tetapi ada juga kerumitan dari Kerajaan Persekutuan supaya mendapatkan wang sejumlah \$250 juta dengan sekali gus untuk membayar kepada sesiapa pihak pun; ini suatu kerumitan kewangan dan bukan sengaja dibuat oleh Kerajaan Persekutuan supaya melambat-lambatkan pembayaran kepada Kerajaan Negeri Selangor.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, di antara perundingan yang telah dilakukan oleh Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri, berapakah sebenarnya jumlah pampasan yang dituntut oleh Kerajaan Negeri Selangor yang telah dipersetujui oleh Kerajaan Pusat supaya dibayar pampasan yang menasabah?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya telah terangkan tadi wang ini berjumlah \$250 juta ialah satu anggaran sahaja sebagai pendahuluan sebelum kedua-dua pihak bersetuju atas taksiran harta-harta yang dipunyai oleh Kerajaan Negeri Selangor di dalam Wilayah ini.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Soalan tambahan. Sehingga masa bila agaknya kira-kira tolak-ansur ini dapat di selesaikan? Kerana takut kalau-kalau kita termakan budi di belakang hari nanti harganya tinggi, jadi saya hendak bertanya bilakah masanya rundingan ini boleh di selesaikan? Misalnya target suatu masa peralihan yang tertentu sekian juta banyaknya.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, dukacita saya tidak boleh menyebabkan di dalam Dewan ini berapa lama agaknya harta-harta itu boleh ditaksirkan oleh kerana ada juga kesulitan-kesulitan berkenaan dengan harta-harta tersebut, tetapi wang pendahuluan ini Kerajaan Persekutuan akan menjelaskan dalam tahun ini juga.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Soalan tambahan. Setelah Wilayah ini dipunyai oleh Kerajaan Pusat dan pentadbirannya beransur-ansur di bawah Kerajaan Pusat, adakah kerja-kerja lain yang biasanya dibuat oleh Kerajaan Negeri dahulu seperti mengutip cukai-cukai pintu, hasil-hasil tanah dan sebagainya masih lagi dilakukan oleh Kerajaan Negeri, dan kalau sekiranya ini benar dilakukan oleh Kerajaan Negeri, apakah pada pendapat Kerajaan Pusat pada masa yang akan datang tentang pembayaran-pembayaran yang biasanya diterima oleh Kerajaan Negeri Selangor kepada usah-usaha supaya diikuti oleh Kerajaan Pusat melalui Pejabat Wilayah Persekutuan?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, pada fikiran saya ini adalah satu soalan yang lain yang saya tidak dapat menjawab soalan itu.

MATAPELAJARAN BAHASA MALAYSIA DI SEKOLAH-SEKOLAH TAMIL/CHINA

4. **Datuk V. Ponnusamy Pillai** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menambahkan masa bagi matapelajaran Bahasa Malaysia di Sekolah-sekolah Tamil dan China untuk membolehkan murid-muridnya mendalami lagi mata-pelajaran Bahasa Malaysia.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk menambahkan masa bagi

matapelajaran Bahasa Malaysia di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil dan China oleh kerana masa yang telah diperuntukkan bagi matapelajaran Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah tersebut adalah memadai.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Adakan Menteri yang bertanggungjawab memikirkan iaitu masa mempelajari Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah itu tidak mahu ditambahkan oleh kerana orang-orang Malaysia sepatutnya belajar Bahasa Malaysia dan tiap-tiap hari pun bergaul dengan orang Malaysia dan bercakap dengan Bahasa Malaysia, maka dengan sebab itu tidak ditambahkan masa-nya betul atau tidak?

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, mungkin itu salah satu daripada sebab-sebabnya.

Tuan Haji Othman bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, pada fahaman saya soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Datuk V. Ponnusamy Pillai ini menuntut supaya ditambah matapelajaran Bahasa Malaysia di Sekolah-sekolah Tamil dan di Sekolah-sekolah China, maka oleh Menteri mengatakan bahawa masanya sudah cukup. Saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah pendapat Menteri ini hasil daripada Jawatankuasa Kabinet yang telah dibuat untuk menyiasat sejauh manakah pelaksanaan dasar pelajaran dalam segi pelaksanaannya bagi mewujudkan suatu rupa bangsa yang bersatu padu. Adakah jawapan Yang Berhormat Menteri itu, hasil daripada penyiasatan Jawatankuasa Kabinet itu?

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Jawatankuasa tersebut masih belum sedia laporannya, maka sudah tentulah jawapan saya itu tidak berpandu kepada keputusan Jawatankuasa itu. Kalau Jawatankuasa itu berpendapat bahawa masanya tidak cukup dan menasihatkan kepada Menteri Pelajaran supaya dilebihkan masa, maka sudah tentulah pihak Menteri Pelajaran akan mematuhi kepada laporan yang dibuat oleh Jawatankuasa tersebut.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri Pelajaran

saya berasa senang hati atas jawapan yang begitu tegas, tetapi saya hendak bertanya kepada Kementerian ini dalam soalan ini juga, adakah Kementerian itu sedar bahawa sejak akhir-akhir ini ibu-bapa dan murid-murid daripada orang-orang Tionghua dan India tidak mahu lagi menyekolahkan anaknya ke Sekolah Jenis Kebangsaan Inggeris, tetapi mereka menghantar ke sekolah ibundanya? Maka dengan sebab itulah timbul soalan ini. Apa langkah Kerajaan pada sifat ibu-bapa yang seumpama ini pada zaman sekarang?

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, keputusan peperiksaan yang baru diadakan menunjukkan bahawa kebolehan orang-orang China, murid-murid China dan India di dalam matapelajaran Bahasa Kebangsaan adalah lebih baik daripada masa-masa yang lepas.

Datuk V. Ponnusamy Pillai: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya satu soalan kepada Yang Berhormat Menteri. Adakah dasar Kerajaan orang-orang bukan bumiputra mesti mempelajari Bahasa Malaysia ataupun tidak? (*Ketawa*).

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir dasar Kerajaan Barisan Nasional dan Kerajaan Perikatan yang lepas adalah nyata dan terang terhadap soal Bahasa Kebangsaan ini yang diketahui oleh semua Ahli-ahli Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara.

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah syllabus ataupun kandungan matapelajaran Bahasa Malaysia di Sekolah-sekolah Tamil dan China ini dikhususkan supaya taraf fahaman mata-matapelajaran Bahasa Malaysia itu agak sama dengan sekolah-sekolah yang lain?

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bahawa tujuan Kementerian adalah demikian, tetapi kadang-kadang kebolehan penuntut-penuntut tidaklah sama di antara satu golongan dengan golongan yang lain.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tuan T. S. Gabriel?

Tuan T. S. Gabriel: Serupa seperti tadi.

Datuk V. Ponnusamy Pillai: Tuan Yang di-Pertua, saya bukanlah hendak argue dengan Yang Berhormat Menteri. Seorang murid yang pergi ke sekolah, bolehkah mempelajari dengan sedalam-dalamnya Bahasa Malaysia?

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, masa yang diperuntukkan bagi pelajaran Bahasa Malaysia dalam Darjah I, II dan III ialah 180 minit dalam satu minggu, iaitu selama tiga jam dalam satu minggu. Ini adalah baik berbanding dengan mata-matapelajaran lain. Dalam Darjah IV, V dan VI kita memberi jangka masa 200 minit dalam satu minggu.

MATAPELAJARAN BAHASA TAMIL/ CHINA DI SEKOLAH KEBANGSAAN/ JENIS KEBANGSAAN

5. **Datuk V. Ponnusamy Pillai** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

(a) samada Kerajaan akan menimbang mengadakan matapelajaran Bahasa Tamil/China di sekolah-sekolah kebangsaan atau jenis kebangsaan di mana terdapat 15 orang murid-murid

India/China atau lebih di dalam sesebuah kelas atas permintaan ibubapa mereka; dan

(b) adakah Kerajaan bercadang untuk menjadikan matapelajaran Bahasa Tamil/China sebagai wajib di mana terdapat lebih 15 orang murid-murid India/China di dalam sesebuah kelas walaupun ibubapa mereka tidak memohon.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua,

(a) Kerajaan memang sentiasa menimbang bagi mengadakan matapelajaran Bahasa Tamil/China di sekolah-sekolah di mana bahasa pengantarnya bukan bahasa-bahasa tersebut atas permintaan daripada ibubapa 15 orang murid-murid India atau China atau lebih di dalam sesebuah sekolah.

(b) Kerajaan tidak bercadang mengadakan matapelajaran Bahasa Tamil atau China di sekolah-sekolah di mana bahasa pengantarnya bukan bahasa-bahasa tersebut melainkan di atas permohonan ibubapa 15 orang murid-murid India/China atau lebih di dalam sesebuah sekolah.

PEGAWAI PERUBATAN PAKAR LETAK JAWATAN

6. **Dr Lim Ah Sitt** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

(a) jumlah bilangan Pakar Perubatan yang telah berhenti daripada Hospital-hospital Besar Pulau Pinang dan Kuala Lumpur semenjak enam bulan yang lalu dengan menyatakan dengan ringkasnya jawatan yang tertentu mereka itu menyandang, tarikh pemberhentian mereka dan taraf kerakyatan mereka;

(b) sebab-sebab dan faktor-faktor yang bertanggungjawab menyebabkan mereka itu berhenti; dan

(c) samada tempat-tempat kosong yang diadakan itu dipenuhi oleh pakar-pakar yang memperoleh kelayakan yang sesuai.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua,

(a) Jumlah bilangan Pegawai Perubatan Pakar yang telah meletak jawatan semenjak 6 bulan yang lepas, daripada Hospital Besar, Kuala Lumpur dan Hospital Besar, Pulau Pinang adalah seperti berikut:

HOSPITAL BESAR, KUALA LUMPUR—6 ORANG

<i>Nama Pakar</i>	<i>Bidang Kepakaran</i>	<i>W/Negara</i>	<i>Tingkatan Jawatan</i>	<i>Tarikh Ber- henti Kerja</i>
Dr Tschang Hsing Hua ...	E.N.T. ...	Malaysia	T/T "G" ...	7-5-74
Dr Lee Kwok Ching ...	Kulit ...	Malaysia	T/T "G" ...	1-5-74
Dr Khoo Kah Lin ...	Perubatan ...	Malaysia	T/Biasa memangku T/T "G"	16-7-74

<i>Nama Pakar</i>	<i>Bidang Kepakaran</i>	<i>W/Negara</i>	<i>Tingkatan Jawatan</i>	<i>Tarikh Ber- henti Kerja</i>
Dr Yoong Fook Ngien ...	E.N.T. ...	Malaysia	T/Biasa memangku T/T "G"	8-10-74
Dr Joseph Eravelly ...	Perubatan ...	Malaysia	T/Biasa ...	25-5-74
Dr Leela Menon ...	Bius ...	Malaysia	T/Biasa ...	1-6-74

HOSPITAL BESAR, PULAU PINANG—SEORANG

<i>Nama Pakar</i>	<i>Bidang Kepakaran</i>	<i>W/Negara</i>	<i>Tingkatan Jawatan</i>	<i>Tarikh Ber- henti Kerja</i>
Dr Cheah Tjeng Siong ...	Kulit ...	Malaysia	T/T "F" ...	10-8-74

- (b) Mereka itu telah meletakkan jawatan tetapi daripada alasan-alasan yang diberi di dalam borang perletakan jawatan, mereka berbuat demikian atas alasan persendirian.
- (c) Kekosongan-kekosongan yang telah berlaku itu telahpun diisi dengan pegawai-pegawai yang berkelayakan kecuali jawatan yang dikosongkan oleh Dr Joseph Eravelly. Walau bagaimanapun, kekosongan ini akan diisi secepat mungkin.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Saya dengar ramai pakar-pakar dan doktor-doktor ini berhenti. Apakah sebab-sebab mereka ini berhenti? Doktor-doktor ini memberitahu kepada saya, ramai daripada mereka ini berhenti oleh kerana Superscale posts sedikit sangat dan mereka ini telah belajar selama 7-8 tahun, tetapi di dalam Medical Department Superscale posts adalah sedikit sangat kalau dibandingkan daripada pejabat-pejabat yang lain. Adakah itu betul atau tidak?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Superscale posts, Kementerian ini sentiasa menjalankan dari semasa ke semasa supaya Superscale posts ini bertambah. Saya suka memberitahu kepada Dewan yang mulia ini bahawa pada dua tahun yang lalu beberapa Superscale posts telah bertambah lebih pada masa yang lalu.

Puan Dasimah Dasir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya juga suka menarik perhatian iaitu tidakkah boleh Kerajaan membuat satu syarat di atas doktor-doktor yang telah belajar di dalam hospital-hospital supaya mereka itu tidak boleh meletakkan jawatan dengan sewenang-wenangnya. Banyak doktor-doktor mengambil peluang ini kerana mencari kesempatan mereka sendiri. Saya minta kepada Kerajaan supaya membuat satu peraturan yang kuat dan ketat kepada doktor-doktor yang ada di Malaysia ini.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, keadaan perkhidmatan doktor-doktor di dalam Kerajaan ini rasa saya adalah bertambah baik. Sungguhpun kita memaksa doktor-doktor yang mendapat kelayakan yang

baru dari Medical Colleges untuk berkhidmat dengan Kerajaan sekurang-kurangnya dua tahun, bilangan doktor-doktor yang baru itu telah bertambah dari setahun ke setahun, akan tetapi terdapat juga mereka itu selepas berkhidmat dua-tiga tahun dengan Kerajaan, mereka itu berhenti untuk menubuhkan klinik sendiri. Kementerian saya telah mengambil perhatian atas perkara ini dan kita sukalah menjelaskan doktor-doktor yang berkhidmat di Kementerian ini akan terus berkhidmat di dalam Kerajaan. Kita tidak boleh memaksa setiap doktor akan terus berkhidmat dengan Kerajaan dan tidak boleh berhenti dari jawatannya. Barangkali kita tidak boleh buat satu Rang Undang-undang untuk menentang dasar demokrasi negara kita. Jika kita membuat undang-undang demikian maka kita akan nasionalise the medical services di dalam negara kita. Itu bukan kehendak atau cadangan Kerajaan.

Tuan Haji Abdul Rahim bin Abdul Manan: Soalan tambahan. Adakah banyak bilangan pakar-pakar perubatan berhenti kerana pentadbiran di sesebuah rumah sakit itu tidak sesuai dengan doktor-doktor yang berkhidmat di situ, misalnya, Medical Officernya tidak secocok dengan doktor-doktor yang ada di situ. Kalau ya, apakah tindakan pihak Kementerian. Kalau tidak, adakah pihak Kementerian akan cuba menyasiat apa yang saya nyatakan itu?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan doktor-doktor di hospital sekarang adalah memuaskan. Saya sentiasa berunding dengan doktor-doktor dan bertanya sebab-sebab mereka berhenti, sebabnya kebanyakan mereka itu adalah kerumitan

tentang kewangan, kerana itu mereka hendak mencari wang lebih sedikit. Demikian juga berkenaan dengan masa yang panjang mereka itu menunggu untuk mendapatkan kenaikan pangkat. Ini bukanlah sebagai satu soalan yang luar biasa menyebabkan mereka berhenti, ini adalah satu praktis yang dijalankan di negara kita ini. Kebanyakan pakar-pakar itu buat group practice seperti yang sedang diadakan di pusat-pusat bandar besar seperti di Kuala Lumpur, mereka mengumpulkan lima-enam orang pakar membuka satu klinik supaya boleh mencari wang lebih sedikit. Sungguhpun mereka tidak berkhidmat di dalam Kerajaan, kita tidaklah ada berasa kerugian daripada mereka itu, kerana mereka itu juga sedang berkhidmat kepada rakyat jelata kita, cuma perbezaannya rakyat kita itu membayar lebih wang sahaja pada pakar-pakar itu. Misalnya, perkhidmatan pakar-pakar perubatan di hospital kepada orang-orang yang tidak mampu itu kita memberi percuma sahaja, akan tetapi tidak ada dari pakar yang berkhidmat di swasta memberikan khidmat percuma, rakyat kita yang pergi ke sana terpaksa membayar specialist fees sekurang-kurangnya \$25 seorang. Itulah sahaja perbezaan antara perkhidmatan perubatan Kerajaan dengan perkhidmatan dalam swasta.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri Kesihatan tadi, kalau dibiarkan keadaan begini, maka hospital kita di Malaysia akan kekurangan doktor-doktor pakar dan adakah Kementerian ini sedar bahawa ada beberapa kelemahan dan tak puas hati di kalangan pakar-pakar perubatan dalam Kementerian ini. Kalau ada, adakah cadangan Kementerian untuk mengkaji dan menghalusi keadaan ini supaya tidak berterusan di masa akan datang.

Tan Sri Lee Siok Yew: Kementerian memang sedar dan saya sebagai Menteri yang bertanggungjawab selalu bertemu dan berdialog dengan doktor-doktor kita. Negara kita ini adalah sebuah negara yang sedang membangun dan memang doktor yang terlatih hari ini tidak mencukupi, oleh kerana itu sebuah fakulti perubatan di Universiti Kebangsaan telah ditubuhkan dan jika kewangan dalam negara kita ini mampu, barangkali kita harap satu masa yang akan datang sebuah lagi fakulti perubatan boleh ditubuhkan. Ini mengambil masa yang

panjang. Dalam masa yang singkat ini Kementerian Kesihatan sedang mengambil doktor atau doktor pakar daripada negara-negara sahabat dan ijazah mereka itu adalah diakui oleh Kerajaan kita. Kementerian Kesihatan akan terus mengambil doktor pakar daripada seberang laut, khasnya negara yang bersahabat dengan negara kita.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Mohd. Yaakub: Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengemukakan soalan tambahan kepada Menteri berkenaan berhubung dengan banyak pakar yang meninggalkan jawatan dalam Kerajaan, berdasarkan kepada keterangannya tadi nampak kepada kita bahawa punca sebabnya ialah kerana kenaikan pangkat dan soal kewangan. Jadi, adakah Yang Berhormat Menteri berfikir bahawa untuk menegerakan kenaikan pangkat dan juga menambah pendapatan doktor pakar ini berkhidmat dengan Kerajaan supaya mereka tidak begitu cepat berhenti, kalau kita mengkaji dari segi lama masa sebagaimana seorang daripada Ahli Yang Berhormat tadi menyentuh bagi doktor itu hendak mendapatkan kepakaran memanglah lama masanya. Jadi, tidakkah Yang Berhormat Menteri fikir pendapatan bagi doktor pakar dan doktor biasa itu perlu ditambah?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini adalah berkaitan dengan gaji-gaji asas kepada semua pegawai-pegawai Kementerian Kerajaan kita; ini bukan satu soal yang boleh diasingkan dengan Kementerian-kementerian yang lain. Pada pendapat saya ini adalah satu soal yang Kerajaan kita sentiasa mengambil perhatian.

HOSPITAL/POLIKELINIK BARU

7. Dr Lim Ah Sitt minta Menteri Kesihatan memberikan nama-nama Hospital-hospital dan Poliklinik yang baru yang akan dibina atau sedang dibina di bawah Rancangan 5 tahun Malaysia Yang Kedua di berbagai daerah-daerah dalam Negeri Johor untuk mengganti yang lama dan tidak sesuai lagi; dan nyatakan tarikh-tarikh permulaan pembinaan setiap Hospital atau Poliklinik.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya bercadang hendak menggantikan semua Poliklinik yang lama dengan yang baru di Negeri Johor. Sehingga hari ini dua buah Hospital sudah pun ada mempunyai Poliklinik yang baru bagi

menggantikan Poliklinik yang lama, iaitu di Pontian dalam tahun 1970, dan di Keluang dalam tahun 1974. Dua buah Poliklinik baru sedang dibina, satu di Muar yang mana bermula dalam bulan Ogos, 1973 dan satu lagi di Kota Tinggi dalam bulan November, 1973. Tawaran-tawaran telahpun juga dipanggil bagi sebuah Poliklinik yang baru di Hospital Tangkak. Perancangan adalah sedang berjalan dengan baiknyanya sekarang bagi Poliklinik baru di Hospital Besar, Johor Bahru. Beberapa tambahan kepada Poliklinik di Hospital Batu Pahat telah dibuat dalam tahun 1971 bagi menampung bertambahnya bilangan kedatangan pesakit-pesakit di Jabatan itu. Suatu Poliklinik yang baru akan dibina di Mersing di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

Berhubung dengan Hospital-hospital baru pula, Kementerian saya bercadang hendak membina sebuah Hospital baru di Kulai dan tindakan sedang diambil sekarang ini bagi mendapatkan sebidang tanah yang sesuai bagi tapaknya. Adalah juga dicadangkan bahawa Hospital Batu Pahat yang ada sekarang ini akan digantikan dengan sebuah Hospital yang baru di atas tapak yang baru pada masa yang akan datang oleh kerana tapak yang ada sekarang ini adalah sangat kecil dan tidak cukup luas untuk rancangan-rancangan tambahan jangka panjang untuk menampung bilangan penduduk yang kian bertambah.

PEJABAT PERHUBUNGAN ANTARA KERAJAAN PUSAT/NEGERI-NEGERI

8. Datuk Syed Kechik bin Syed Mohamed minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan bercadang mengadakan satu Pejabat Perhubungan bertempat di Kuala Lumpur untuk menguruskan perhubungan antara Kerajaan Negeri-negeri dalam Malaysia dengan Kerajaan Pusat. Kalau ya, bila, dan jika tidak, mengapa.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang hendak menubuhkan satu Pejabat Perhubungan bertempat di Kuala Lumpur untuk menguruskan perhubungan antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri. Tiap-tiap Kementerian adalah berhubung terus dengan Kerajaan-kerajaan Negeri dan jika perlu

untuk menyelaraskan perhubungan (liaison) tersebut maka ianya adalah dibuat oleh Jabatan Perdana Menteri.

PERANG URAT SARAF MENENTANG PENGANAS KOMINIS

9. Datuk Syed Kechik bin Syed Mohamed minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan mempunyai cadangan untuk mempergiatkan lagi gerakan-gerakan Perang Urat Saraf untuk menentang sabversif dalam negeri ini.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa mempergiatkan gerakan-gerakan Perang Urat Saraf dalam menentang penganas-penganas kominis dan juga anasir sabversif dalam negeri ini.

Tidaklah dapat diterangkan langkah-langkah yang diambil oleh pihak yang berkuasa yang berkenaan oleh sebab-sebab keselamatan.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Psychological Warfare atau Perang Urat Saraf adalah satu-satu yang dikehendaki untuk memerangi fahaman kominis (subversion). Adakah atau tidak Menteri yang bertanggungjawab bersetuju dengan saya hasil kemiskinan adalah satu daripada kembangnya fahaman kominis ini dan Kerajaan kita sekarang telah bertugas betul-betul untuk membasmi kemiskinan ini dan telah kita jalankan. Adakah perkara ini diterangkan dengan sepenuh-penuhnya kepada rakyat kita?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, adalah benar salah satu daripada sebab yang menimbulkan fahaman kominis dan juga anasir-anasir sabversif dalam negeri ini disebabkan kemiskinan. Hal ini seperti Ahli Yang Berhormat telah terangkan tadi Kerajaan telah mengambil perhatian berat dalam membasmi kemiskinan ini semenjak rancangan luar bandar pada tahun 1960 hinggalah ke rancangan sekarang ini dan pihak mass media Kerajaan dan juga pihak suratkhbar telahpun menerangkan hal ini dengan jelas dan banyak kepada rakyat.

Datuk Syed Kechik bin Syed Mohamed: Soalan tambahan. Bolehkah Menteri yang berkenaan menerangkan berapa banyakkah peruntukan dibuat untuk Perang Urat Saraf ini?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, itu adalah soal sulit, tak boleh dijawab.

PEGAWAI BUMIPUTRA/ BUKAN BUMIPUTRA DALAM PERKHIDMATAN AWAM

10. Datuk Syed Kechik bin Syed Mohamed minta Perdana Menteri menyatakan berapa ramai pegawai-pegawai Bahagian I dan II dalam Perkhidmatan Awam. Berapa orang Bumiputra dalam Bahagian I dan dalam Bahagian II serta berapa orang bukan Bumiputra dalam Bahagian I dan Bahagian II.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, dengan terlaksananya tanggungaji Suffian, sistem pembahagian pekerja-pekerja Kerajaan dalam Bahagian I, II, III dan IV telahpun dihapuskan dan bagi menentukan kemudahan-kemudahan dan keistimewaan-keistimewaan di mana yang perlu, pekerja-pekerja Kerajaan telah dibahagikan ke dalam kumpulan-kumpulan berikut:

Kumpulan Pengurusan atau Iktisas;
Kumpulan Kerja dan Separa Iktisas;
Kumpulan Perkeranian dan Teknik; dan
Kumpulan Rendah dan Buruh Kasar.

Kedudukan kepegawaian dalam Kumpulan Pengurusan dan Iktisas pada 1hb November, 1974 ialah:

Pegawai Bumiputra	4,190
Pegawai Bukan Bumiputra	7,450
Jumlah	11,640

Bagi Kumpulan Kerja dan Separa Iktisas pula kedudukan pegawai atau kepegawaian juga pada 1hb November, 1974 adalah seperti berikut:

Pegawai Bumiputra	14,214
Pegawai Bukan Bumiputra	15,235
Jumlah	29,449

Angka-angka ini tidak termasuk pegawai-pegawai dalam Angkatan Tentera dan Kerajaan Negeri.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Tadi telah diterangkan oleh Timbalan Menteri yang bertanggungjawab bahawa angka pegawai yang tertinggi dalam Kumpulan Pengurusan dan Iktisas ialah Bumiputra 4,190 dan bukan Bumiputra 7,450. Apakah sebab-sebabnya perkara ini berlaku, adakah oleh kerana Bumiputra tidak layak, tidak ada qualification? Dan setengah-setengahnya tidak ada qualification untuk menjadi doktor, menjadi engineer dan sebagainya. Adakah itu sebabnya menyebabkan kekurangan pegawai-pegawai tinggi ini ataupun sebaliknya?

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah kerana setengahnya sebagai pegawai professional—profession. Jadi, kebanyakan orang-orang kita seperti yang kita maklum; banyak Bumiputra yang tidak mempunyai kelayakan yang tertentu, maka sebab itulah kita tidak ada orang—nobody.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan tadi berhubung dengan Pegawai Division I, saya ingin tahu adakah benar atau tidak yang dikatakan bahawa Pegawai-pegawai Division I itu yang bukan berasal daripada orang Asia, mereka ini sedang menerima gaji yang tertentu, benar atau tidak?

Datuk Abdullah Ahmad: Saya ingat, Tuan Yang di-Pertua, ini pun satu soalan tambahan lain juga. Yang Berhormat hendaklah kemukakan satu pertanyaan mengenai hal itu dan saya boleh jawab pada kali akan datang.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Pegawai Division I telah digantikan kepada Kumpulan Pengurusan dan Iktisas, dan jumlahnya telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu Bumiputra 4,190 dan bukan Bumiputra 7,450. Apakah langkah yang akan dijalankan oleh Kerajaan supaya perseimbangan ini dapat disamakan, kerana daripada perseimbangan yang sama keadaan kehormonian dan kesejahteraan hidup kita di sini akan bertambah erat.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedar Kerajaan memanglah sentiasa mengambil tindakan dan menjalankan dasar yang boleh membanyakkan lagi bilangan pegawai-pegawai Bumiputra dalam Jawatan Pengurusan dan Ikhtisas. Sebab itulah maka banyak universiti-universiti telahpun ditubuhkan di negara ini. Jadi yang perlu sekarang ini ialah supaya murid-murid Bumiputra ini lulus universiti; ramai orang kita yang berkebolehan, maka perkara ini akan diatasi dengan sendirinya.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Soalan tambahan. Saya mengucapkan terima kasih kepada angka-angka ini, tetapi saya ingin mengetahui apakah kaedah atau criterion yang menentukan ini Bumiputra dan ini bukan Bumiputra, maka angka ini boleh jadi begini.

Datuk Abdullah Ahmad: Soalan tambahan berkenaan dengan takrif siapa dia Bumiputra dan tidak Bumiputra adalah soalan lain.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Soalan tambahan saya bukan saya bermaksud menanya takrif. Saya menanya di atas kaedah atau criterion apakah maka angka ini ditentukan Bumiputra dan tidak Bumiputra. Jikalau tidak ada criterion angka ini tidak jadi begitu.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak ada takrif bagaimana kita hendak bezakan orang Bumiputra dengan tidak bumiputra.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Kalau begitu, saya hendak minta supaya benda ini dibuat dengan takrif, secara sistematik.

Datuk Abdullah Ahmad: Itu pun saya minta notis.

USUL

UCAPAN TAKZIAH KEPADA PUAN SRI ABDUL HAMID KHAN DAN KELUARGA

Datuk Athi Nahappan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini merakamkan perasaan kehilangan yang amat sangat dan dukacita yang tidak terhingga kerana kembalinya ke Rahmatullah bekas Yang di-Pertua Dewan Negara, Allah Yarham Yang Berhormat Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan

bin Sakhawat Ali Khan dan dengan ikhlasnya mengucapkan takziah kepada Puan Sri Abdul Hamid Khan dan keluarga.

Tuan Law Heing Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini merakamkan perasaan kehilangan yang amat sangat dan dukacita yang tidak terhingga kerana kembalinya ke Rahmatullah bekas Yang di-Pertua Dewan Negara, Allah Yarham Yang Berhormat Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan bin Sakhawat Ali Khan dan dengan ikhlasnya mengucapkan takziah kepada Puan Sri Abdul Hamid Khan dan keluarga.

JALAN-JALAN MASUK KE PARLIMEN

Datuk Athi Nahappan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya, selama penggal Dewan Negara yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui, dan jangan ada apa-apa halangan menghalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kecau-bilau di jalan-jalan menuju arah ke Dewan ini, dan supaya jangan ada apa-apa huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini; dan Setiausaha Dewan Negara hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

Tuan Law Heing Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya, selama penggal Dewan Negara yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui, dan jangan ada apa-apa halangan menghalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kecau-bilau di jalan-jalan

menuju arah ke Dewan ini, dan supaya jangan ada apa-apa huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini; dan Setiausaha Dewan Negara hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

JAWATANKUASA PEMILIH— LANTIKAN AHLI

Datuk Athi Nahappan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Ahli-ahli yang berikut—

1. Yang Berhormat Datuk Athi Nahappan;
2. Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin;
3. Yang Berhormat Tuan Kam Woon Wah; dan
4. Yang Berhormat Tuan T. S. Gabriel hendaklah jadi Ahli-ahli Jawatankuasa Pemilih bagi tempoh Penggal Pertama, Parlimen Yang Keempat.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Diputuskan,

Bahawa Ahli-ahli yang berikut—

1. Yang Berhormat Datuk Athi Nahappan;
2. Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin;
3. Yang Berhormat Tuan Kam Woon Wah; dan
4. Yang Berhormat Tuan T. S. Gabriel hendaklah jadi Ahli-ahli Jawatankuasa Pemilih bagi tempoh Penggal Pertama, Parlimen Yang Keempat.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempohkan sekarang selama 15 minit.

Persidangan ditempohkan pada pukul 4.30 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 4.50 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

4.50 ptg.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa suatu ucapan yang tidak seperti-nya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patek, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama, Parlimen Yang Keempat.”

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya melanjutkan ucapan dan menyambung Usul yang saya cadangkan, terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih atas kepercayaan Dewan ini telah diberi kepada saya bagi mengusulkan satu ucapan yang zalil bagi mempersembahkan setinggi-tinggi terima kasih bagi pihak Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Dewan, atas Titah Ucapan Di Raja dalam masa Pembukaan Parlimen pada 5hb November, 1974 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, biarlah saya mengambil peluang yang pertama mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah dilantik, yang telahpun kita sama-sama saksikan mengangkat sumpah di Dewan yang mulia ini, lebih-lebih lagi satu rekod yang baharu kepada Ahli-ahli Wanita kita yang agak besar bilangannya daripada tempoh yang sudah-sudah.

Dengan adanya Ahli-ahli baru dari kaum wanita ini bukan sahaja akan mengharumkan dengan semerbak baunya renjisan air mawar di Dewan yang mulia ini, akan tetapi menunjukkan dan membuktikan bahawa

negara ini mengakui hak dan kebolehan wanita sebagaimana yang boleh dilakukan oleh kaum lelaki. pada masa yang akan datang atau pada masa yang telah lalu, supaya dengan adanya fikiran yang bermutu, ucapan yang ikhlas bukan sahaja bagi perkembangan Dewan ini, tetapi juga bagi perkembangan bangsa dan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tidak lupa mengucapkan tahniah kepada bekas Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ini yang telah mendapat kedudukan, bahkan setengah daripadanya menjadi pemimpin negara ini dan menjadi Ahli Kabinet Kerajaan Barisan Nasional. Oleh sebab pengalaman mereka melalui dua Dewan (Dewan Rakyat dan Dewan Negara) tentulah khidmatnya di dalam Dewan Negara ini atau dalam Parlimen ini akan menjadi satu kenang-kenangan dan juga akan menjadi satu keahlian bagi mereka itu dalam banyak masaalah yang dihadapi oleh Dewan Negara.

Saya penuh keyakinan bahawa Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kepada sistem pemerintahan demokrasi berparlimen dalam negeri ini melalui proses pilihanraya dan rakyat dapat membuktikan mereka telah matang dalam pilihanraya mereka. Dan dalam pilihanraya yang baru ini bahawa Barisan Nasional telah mendapat sokongan yang agak cemerlang hampir daripada 85% pengundi, dan mereka yang berhak mengundi telah memberi undiannya kepada Barisan Nasional.

Sekarang ini, tanggungan Kerajaan yang dipimpin oleh pemimpin yang ada sekarang ini yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri telah berikrar dan menyatakan azamnya akan berkhidmat kepada bangsa dan negara ini dengan sedaya-upaya yang boleh. Dan kejayaan sesebuah Kerajaan, sesebuah Negara tidak sahaja bergantung kepada pemimpin, akan tetapi tergantung kepada sokongan rakyat di dalam negara itu sendiri. Sebagai sebuah negara yang membangun kita menghadapi banyak masaalah kerana masaalah ini telah ditinggalkan oleh penjajah British, pada masa yang dahulu dan kita menyelesaikan masaalah itu satu demi satu dengan tujuan membawa rakyat kepada kemakmoran dan membawa negara kepada kemewahan.

Dalam pimpinan Perdana Menteri yang ada pada hari ini Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri dan pemimpin negara yang

lain-lain mereka telah menyusun rancangan-rancangan satu demi satu, sebuah demi sebuah dilaksanakan dengan hasrat dan cita-cita supaya rakyat dapat menikmati kemakmoran, kemudahan dan sebagainya, supaya rakyat dapat hidup dan dapat meninggikan taraf hidupnya sendiri supaya apa yang kita lalui dalam tempoh 10 tahun, 20 tahun yang lalu akan dapat diatasi, tetapi kota Rome tidak dibina dengan satu malam, Tuan Yang di-Pertua, mengikut kata pepatah. Dengan hasrat dan cita-cita yang tinggi pemimpin kita dengan tabahnya dengan sokongan semua pihak pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan bagi peringkat Pusat dan Negeri daripada semua perkara dan golongan haruslah memberi kerjasama yang erat, maka barulah cita-cita dan hasrat kita dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya. Walaupun masa pelayaran kita masih jauh bahkan jauh dari mencapai atau sampai kepada puncak perjuangan atau pulau pelabuhan cita-cita, tetapi kita berusaha dari sekarang ini mudah-mudahan pelayaran kita itu akan diberkati oleh Allah.

Pada suatu ketika dahulu di dalam negeri kita ini hanya ada beberapa peratus sahaja lebih-lebih lagi kaum bumiputra mendapat kemudahan pelajaran masuk dalam tempat-tempat pengajian tinggi dan beberapa kerat sahaja, khasnya bumiputra yang dapat menikmati kemudahan dalam bahagian perubatan umpamanya, akan tetapi pada masa ini setelah 17 tahun kita merdeka bilangan itu telah meningkat dari semasa ke semasa, bahkan pada hari ini kita tidaklah boleh berbangga tetapi bolehlah kita menyabarkan hati dan cita-cita bahawa apa yang kita perjuangkan dari segi pelajaran telah meningkat kepada kedudukan yang lebih baik bahawa itu menunjukkan khidmat kita diakui.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dalam pembangunan-pembangunan yang lain-lain, kalau kita pergi ke Pantai Timur, kita akan mengambil masa beberapa hari baharulah kita sampai ke Kota Bharu melalui feri-feri yang bergerak lambat menentang arus air di sungai-sungai sepanjang Pantai Timur terutama sekali di Trengganu dan Pahang, tetapi pada hari ini, kita sudah hampir-hampir lupa adanya feri-feri atau jambatan bergerak yang melintasi sungai-sungai besar di Pantai Timur itu. Ini satu kejayaan kita di dalam rancangan pembangunan Malaysia.

Di dalam soal menaikkan taraf hidup rakyat, bertus-ratus ribu ekar tanah yang dahulunya hutan belantara yang didiami oleh gajah dan ungka, hari ini sudah menjadi ladang yang subur menghijau. Setengah-setengah rancangan Kerajaan, penghuninya mendapat pendapatan lumayan jika dibandingkan pada keadaan yang sebelumnya. Jadi apa yang dilakukan oleh Kerajaan yang ada hari ini adalah satu asas tapak yang kita telah lalu menuju kejayaan, tetapi dalam masa pilihanraya yang lepas, ada parti-parti politik yang menerima kekalahan teruk di dalam pilihanraya. Mereka mengalih taktik cara perjuangannya, cara-cara mereka mendapati balik sokongan daripada orang ramai dengan mengelirukan keadaan yang sebenarnya, maka inilah satu perkara yang tidak harus wujudnya dalam alam pembangunan masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya katakan tadi, dalam segi pelajaran, dalam segi perhubungan dan dalam segi meninggikan taraf hidup, kita telah melakukan sesuatu yang hak dengan tujuan hendak meninggikan taraf hidup rakyat seluruhnya. Tetapi penyakit ini satu penyakit yang berlarutan, penyakit yang tidak boleh dicegah dengan serta-merta dan hendaklah kita mengambil iktibar daripada apa yang berlaku ini bagi hasrat dan perjuangan kita pada masa akan datang. Pada masa sekarang ini negara kita menghadapi pergerakan penjahat komunis. Saya suka membawa perkara lama iaitu rancangan pembangunan kita ini juga ada berkait dengan cara kita membatasi perkembangan penjahat komunis. Pada hari ini semua rancangan kita berdasarkan kepada ekonomi dan kita tidak menimbang faktor-faktor yang lain.

Saya masih ingat, Tuan Yang di-Pertua, dharurat yang pertama berlaku di Negeri Pahang iaitu negeri yang pertama diisytiharkan sebagai sebuah negeri dharurat, tetapi Negeri Pahang juga menjadi sebuah negeri yang mula-mula diisytiharkan tamatnya dharurat pada tahun 1960. Dari kajian yang telah dilakukan bahawa pembukaan jalan, penempatan rakyat kepada keadaan yang lebih baik, inilah satu jalan yang boleh menghapuskan komunis dan Kerajaan akan mendapat sokongan rakyat umum. Selagi Kerajaan menumpukan pembangunan negara kita berdasarkan ekonomi, maka selama itu agak saya perjalanan negara kita akan pincang. Misalnya, pada hari ini pembukaan yang sangat dikehendaki oleh Kerajaan ialah

pembukaan jalanraya Timur/Barat iaitu menyambungkan Negeri Kelantan dengan Pantai Barat, disamping membuka jalan pembangunan membuka tanah di kiri kanan jalan itu akan dapat juga menyekat perkembangan dan kegiatan penjahat-penjahat komunis. Kita harus mengetahui dalam masa kita merancang negara kita ini sebagaimana saya katakan tadi, kita mengaitkan pembangunan ini dengan keadaan perkembangan penjahat komunis dalam negara kita. Umpamanya sekarang ini, adakah menasabah sebuah bandar dalam sebuah negeri melalui beberapa negeri lain maka baru sampai ke bandar itu? Cameron Highlands duduknya dalam Negeri Pahang. Orang Pahang yang hendak pergi ke Cameron Highlands mesti melalui Negeri Selangor dan Negeri Perak. Ini bukan bercakap fasal nasib Negeri Pahang sebagaimana yang disebutkan oleh rakan saya. Ini dari segi strategi hendak menyekat komunis. Pernah 5 orang komunis mati kebuluran di Daerah Raub. Belum pernah dalam sejarah bahawa 5 atau 6 orang komunis mati kebuluran; kejayaan ini oleh sebab sokongan dan kekuatan tentera kita. Kita mengucapkan syabas kepada pasukan keselamatan. Tetapi perkara ini tidak mustahil dalam hutan yang luas beratus ribu ekar mereka hidup bebas. Apa yang kita mahu sekarang ialah pembukaan pembangunan tempatan hendaklah kita dahulukan. Umpamanya, pembukaan sebuah jalan daripada Cameron Highlands ke Raub yang cuma 38 batu sahaja. Pergerakan komunis di situ kita boleh kawal. Kita membuka hutan-hutan yang banyak itu dan mengorek isi alam yang ada mengandungi bijih emas dan sebagainya dikeluarkan daripada kekayaan negara kita. Ini perlu kita mengkajinya dengan teliti.

Sekarang, Tuan Yang di-Pertua, berlaku satu gerakan komunis yang kuat di Karak di Daerah Bentong. Mereka bersembunyi di hutan belantara. Jikalau kita buka satu jalan, pembangunan jalan di antara Kuala Kurau sampai ke Karak, kawasan itu boleh kita kawali. Sebab contohnya sudah ada dengan pembukaan jalan Temerloh/Maran dalam masa dharurat yang pertama iaitu tahun 1948/60, penjahat komunis dapat diatasi. Jadi kalau kita hendak mengawal kegiatan komunis ini, kita harus perkuatkan pembangunan negara kita dalam segi pembangunan jalan dan sebagainya. Saya sangat sukacita bahawasanya kita akan membuat satu jalan yang agak istimewa yang memendekkan 18

batu perjalanan Pantai Timur dan Pantai Barat melalui Karak/Kuala Lumpur. Tetapi pada hakikatnya ini mencantikkan orang yang sudah lawar dan mengelokkan orang yang sudah sajak. Apa yang kita mahu sekarang mengeping kegiatan kominis di Karak umpamanya, kita harus membuat jalan daripada Kuala Kurau ke Karak melalui kampung Sungai Laman. Sekarang sudah ada dua kawasan FELDA di situ dan jauhnya daripada hujung kawasan FELDA itu cuma 12 batu sahaja. Tentera kita (Bahagian Kejuruteraan) umpamanya boleh mengambil bahagian di dalam perkara ini dan kalau kurang tenaga, kita tambahkan tenaga dan kalau kurang alat kita belia alat. Jikalau tenaga-tenaga yang lain perlu digunakan untuk membuka Padang Kapal terbang Senai di Johor Bahru atau Pelabuhan Kuantan Kementerian Pertahanan patut mengambil bahagian di atas perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada menghadkan kegiatan kominis. Janganlah hendaknya saya disebut sebagai pakar kominis dalam Dewan ini, kerana apa yang saya cakap ini ialah hasrat bagi seorang rakyat yang mahu kepada keamanan, sebab kominis timbul dari tiga atau empat sebab. Satu daripada sebabnya ialah sebagaimana yang dikatakan oleh sahabat saya di sebelah sana tadi dalam masa soal-jawab. Sebab yang kedua ialah kerana tidak puas hati. Masih ada keadaan yang tidak seimbang. Orang yang duduk di Kuala Lumpur seakan-akan tidak tahu siang dan malam, sedangkan orang di hulu-hulu pukul 6.00 petang tidak boleh keluar rumah, kerana masih dalam curfew. Menoreh getah dan sebagainya tidak boleh. Jadi perasaan tidak puas hati akan timbul, sedangkan mereka yang di Kuala Lumpur ini keadaan di kota bergerak sepanjang masa, aktivitiya berlangsung tidak mengenal hulu dan hilir.

Bercakap tentang soal kemajuan negara, ada Negeri dalam Tanah Melayu ini tidak ada jalan keretapi. Saya harap Ahli dari Trengganu yang berkenaan jangan marah. Tetapi dalam pembukaan tanah yang mengalirkan hasil bumi kita atau hasil negara kita di Pantai Timur landasan keretapi patut dirancang melalui Jengka Tiga Segi, Kampung New Zealand, Pancing di sebelah Utara Bandar Kuantan terus ke Kemaman dan ke Kota Bharu. Maka barulah hasil daripada Pantai Timur akan

mengalir ke Pelabuhan Kuantan, kalau tidak akan turun semula ke Port Kelang. Jika tidak ada hasil yang dibawa ke pelabuhan, di mana pelabuhan itu boleh hidup. Kita bangga apa yang ada di Pelabuhan Kelang, tetapi kita bimbang apa yang ada di Kuantan pada masa hadapan.

Saya masih ingat bahawa tidak ada landasan keretapi yang dibuat oleh Kerajaan selepas daripada tahun 1887 iaitu pembukaan landasan keretapi daripada Port Weld ke Matang. Landasan yang ada sekarang ini adalah landasan yang lama daripada Kota Bharu ke Johor Bahru. Keretapi ini pula tidak sampai mengikut masa yang patut sampai, kecuali kalau ada lawatan rasmi, kalau ada lawatan rasmi Pengarah Keretapi akan lebih dahulu sampai ke tempat yang dilawati itu atau dilalui oleh pelawat rasmi dan pada waktu itu kita tengok keretapi yang betul masanya sampai di pelabuhan atau stesyennya. Mengapa tidak dirancangkan jalan keretapi ke Kota Bharu melalui Trengganu, sedangkan Trengganu Tengah akan mengambil tempat yang utama dalam negara kita dalam masa 4-5 tahun lagi bahawa beratus ribu ekar tanah akan dibuka di Trengganu Tengah, malahan Pelabuhan Kuantan akan hidup. Saya tidak prejudice dengan Port Kelang ataupun mana-mana tempat pun, kerana saya rasa itu adalah negara saya juga, tetapi saya berkehendakkan perimbangan supaya perasaan tidak puas hati tidak akan timbul. Dengan adanya perlaksanaan ini tentulah Bahagian Urat Saraf dan Perancangan ini tidak akan mengambil masa dan peruntukan yang banyak.

Contoh yang kedua dalam perancangan negara kita hari ini semua pelawat luar negeri akan pergi ke Genting Highlands menengok keadaan keindahan alam di sana dan menengok barangkali cendawan tumbuh atau lain-lain, atau pandangan di laut Kelang atau udaranya nyaman. Saya tak tahu, sebab saya jarang sekali sampai ke sana. Mengapa tempat peranginan yang sudah masyhur daripada zaman berzaman dahulu lagi tidak dapat dihidupkan, sedangkan dari Fraser's Hill ke Batang Kali hanya 24 batu sahaja, 14 batu sahaja tempat yang agak sukar dan dikehendaki membuat jambatan, selepas itu akan melalui tanah Kerajaan dan tanah estet sedangkan Fraser's Hill itu ialah hak Kerajaan, mengapakah perancangan kita

tidak melakukan usaha itu? Jadi pelawat dari Kuala Lumpur akan terus ke Fraser's Hill melalui Batang Kali yang jauhnya cuma 24 batu sahaja. Dengan tidak kita mengatur perancangan itu dengan baik, Fraser's Hill akan menghadapi saingan hebat dan tekanan yang teruk sebagaimana apa yang diterima sekarang iaitu persaingan dengan Genting Highlands.

Saya suka ada dua-tiga lagi Genting Highlands di Malaysia ini, tetapi apa yang kita musykil bahawa tapak yang telah kita bina, masyhur ke seluruh dunia Peranginan Bukit Fraser dikenali oleh negara-negara luar, terutama orang-orang Eropah daripada bangsa Inggeris yang pernah datang dan berkhidmat di sini menghirup dan minum air negara ini, mengapa perancangan itu tidak dilakukan? Itu satu contoh perkara yang patut dikaji, dan dipertimbangkan oleh Kerajaan lebih-lebih lagi oleh pegawai-pegawai dan pakar-pakar dalam masaalah perancangan ini. Saya sedar bahawa saya akan dipulangkan balik kata-kata yang sepatutnya saya terima bahawasanya, "Seberat-berat mata memandang, tidak seberat bahu memikul". Saya akui, tetapi saya berhak bercakap dan menyuarakan di dalam Dewan ini.

Dalam masa inflasi ini, kita kekurangan daging, kita telah membuka ladang lembu yang besar. Baru-baru ini beratus ribu ekor lembu dipertayangkan dalam T.V. bahawa baka baru yang datang daripada Australia, sampai ke negara kita ini setengahnya terancang melihat keindahan negara ini sehingga lembu itu sendiri tidak mahu makan. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, adakah kita sedar beratus ribu ekar tanah telah kita buka melalui FELDA dalam negara kita? Jika tiap-tiap seorang peserta FELDA itu kita beri satu ekor ibu lembu bagi dipeliharanya, kita sudah boleh menampung kekurangan daging dalam negara kita sekarang. Tuan Yang di-Pertua, tentu ingat pepatah kita: Kerja beragak tak menjadi, kerja beransur tak bertahan. Kita ada MAJUTERNAK di Pahang, di Johor dan di mana-mana Negeri pun ada, tetapi kita hanya selalu angkuh dengan tenaga yang besar, tetapi kita memperkecilkan tenaga yang kecil. Beratus ribu tanah ditanami getah dan kelapa sawit, lembu-lembu tak akan

meragut kelapa sawit kerana berduri, mereka makan rumput sahaja. Di samping membanyakkan daging, mungkin kita dapat menguntungkan peserta itu sendiri kiranya dibuat demikian. Saya rasa ini satu langkah yang patut dibuat dan dikaji oleh Menteri yang berkenaan dalam masa kita kekurangan daging dalam negara kita ini. Saya tidak membangkang penubuhan gerakan secara besar-besaran untuk membuka ladang atau memelihara hidup-hidupan lembu atau kerbau, tetapi perkara yang saya hendak titik-beratkan kepawahan itu patut diluaskan ke seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita melalui satu-satu proses, umpamanya, zaman dharurat, hilang dharurat timbul dharurat, mental kita inipun dharurat juga. Apakah yang kita telah buat supaya tidak mendharuratkan lagi mental kita? Cukupkah penerangan yang ada pada hari ini? Cukupkah kajian kita dalam T.V.? Memadaiakah kita menunjukkan mereka bila sampai waktu Isyak atau Maghrib dengan menunjukkan mereka mengambil air sembahyang? Mementalkan fikiran inilah terlebih dahulu dan usaha ini perlu dibuat dari sekarang, kalau kita mahu maju. Apakah sebabnya demonstrasi-demonstrasi yang ada berlaku seperti sekarang ini? Satu daripada sebabnya ialah kurang penerangan selain dari ada dirasuk syaitan, iblis dan lain-lain. Kekurangan penerangan inilah yang patut kita atasi.

Saya berharap dalam masa kita mengkaji masaalah ini perhitungan yang harus dilakukan supaya semua rakyat dalam negeri kita ini faham akan maksud dan cita-cita Kerajaan kita. Yang paling anih ada setengah-setengah orang yang mempunyai kelulusan tinggi yang boleh membezakan baik-buruknya dasar Kerajaan negeri ini masih bersama-sama menidak-baikkan dasar yang ada ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita bercakap masaalah pembangunan, kita juga menghadapi keadaan yang meleset. Ada Negeri-negeri di negara kita sekarang ini yang keadaan kewangannya tidak begitu baik, lebih-lebih lagi dengan merosotnya harga kayu dan getah. Ada setengah daripada rancangan-rancangan yang kita sudah atur tidak dapat dijalankan oleh Kerajaan Negeri dengan sebab kekurangan kewangan. Negeri Sabah adalah sebuah Negeri yang bijak dan kaya.

Dalam budget Negeri itu juga kekurangan (deficit) kewangan. Dengan demikian, tidaklah boleh negeri lain yang boleh meminjam dengannya atau menunjukkan yang Negerinya susah, mereka pun susah sama. Kalau sekiranya tidak diperhitungkan dan dikajikan oleh Menteri yang mengawal badan-badan berkanun di dalam negeri kita ini maka mungkin ada rancangan-rancangan yang diatur itu tak dapat dimajukan pada masa yang akan datang dengan sebab kekurangan-kekurangan yang saya katakan tadi. Jadi mustahaklah perkara yang seumpama ini bagi pihak pegawai-pegawai mengetahuinya. Dan bila Menteri melawat maka tidak ada perkara yang kurang baik dipersembahkan dalam masa taklimat itu dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap dalam masaalah tanah dalam negeri ini. Kuasa tanah ialah kuasa Kerajaan Negeri sebagaimana yang kita ketahui, tetapi saya bersimpati dengan penduduk-penduduk di kampung baharu yang terdiri daripada orang Tionghua yang mereka itu sekarang ini tidak mendapat surat izin dan setengah-setengahnya dalam pertimbangan lagi. Supaya mereka ada mempunyai perasaan bersama-sama dengan kita dan menghilangkan perasaan keraguan dan ketidak-puasan hati, ada baiknya pihak Kerajaan Persekutuan ini memikirkan masaalah ini berunding dengan Kerajaan Negeri supaya perkara yang tersebut dapat diatasi. Alangkah sedihnya jikalau tempat tinggal sendiri yang sudah dibangunkan rumah, dan sebagainya, surat izin tanah rumah itu masih belum diperolehi berbelas-belas tahun lamanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir cukuplah buat sementara ini, kerana ramai kawan-kawan saya yang juga ingin bercakap selepas saya. Pada akhirnya dari apa yang saya katakan tadi timbullah beberapa kesan yang saya fikir patut mendapat pertimbangan daripada pihak yang berkenaan dan hendaknya janganlah pandang orang yang bercakap itu, tetapi pandanglah apa yang di cakapkannya. Kalau sekiranya berdasarkan apa yang saya katakan tadi, saya yakin dan percaya bahawa apa yang saya ucapkan dalam Dewan ini akan mendapat perhatian.

5.38 ptg.

Datuk Chan Kwong Hon: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong Usul Ucapan Terima Kasih yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha

Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen Keempat ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Mr President Sir, during the recent General Election, the Barisan Nasional under the brilliant leadership of our Prime Minister, Tun Abdul Razak, has achieved an overwhelming victory. This has laid an invulnerable foundation of political, economic and social stability in Malaysia which is most gratifying to all of us.

However, at this time, our country is confronted with a chain reaction resulting from a worldwide economic recession. At this stage, the Malaysian economy, to a fairly large extent, is still dependent upon international trade. Thus, any recession in the world economy will inevitably affect our country. The present trends in the world markets seem to indicate that a number of our products will unavoidably run into a period of falling prices. On top of this, there exists a trend of inflation which will confront our economy and other fields with numerous difficulties. Under such circumstances, if immediate solutions are not found, a deterioration of our economy will occur, resulting in increasing unemployment and industrial uncertainty, all of which may affect our political stability in the end. This would nullify the splendid results of our efforts over the past many years. This is our most urgent problem. It is a challenge which our Government and people must meet and overcome.

Mr President, Sir, we are grateful that the Royal Speech has outlined definite measures already taken and to be taken by the Government against economic recession. His Majesty has rightly stressed the importance of increasing agricultural production and the utilisation of our raw materials in the local manufacturing industries. His Majesty has said, I quote:

“Bagi menghadapi keadaan yang akan dialami oleh kita semua itu, sukalah Beta menyeru kepada semua lapisan rakyat menyesuaikan pemikiran, sikap dan cara hidup untuk menghadapi tekanan ekonomi ini semoga kita semua tidak terlalu menanggung akibatnya. Adalah wajar bagi kita mengambil langkah-langkah seperti

mempergiatkan usaha menambahkan pengeluaran bahan-bahan makanan asas yang mencukupi dan mengurangkan impot bahan-bahan seperti itu. Dengan cara yang demikian negara kita tidaklah sangat bergantung kepada barang-barang makanan yang diimpot dengan harga yang tinggi. Kita hendaklah memperbanyakkan industri yang menggunakan barang-barang mentah tempatan seperti getah, kayu-kayan, kelapa sawit dan juga hasil ternakan dan perikanan. Langkah-langkah yang Beta sebutkan itu hanya berjaya dengan penyertaan dan kerjasama seluruh rakyat. Matlamat kita ialah menuju ke arah berdikari dalam serba segi."

Mr President, Sir, because ours is basically an agricultural country, we must make the best use of our own raw materials by making an all-out effort to develop our agro-based industries.

In terms of national economy, this will bring about the development of more land areas, thereby absorbing large numbers of labourers and providing more employment. At the same time, it will reduce imports and effect savings in our foreign exchange. It is a pity that this has so far not been given the attention it deserves. For instance, although our country is the largest producer of rubber in the world, less than 10% of our rubber production is used in our domestic manufacturing industries. In the case of tin, less than 2% is used in domestic manufacturing. Over the past years, such a situation has constituted a great loss to our economy. I, therefore, feel that we should immediately pursue this matter to effect a remedy.

Mr President, Sir, on the subject of increasing food production, the key factor lies in the allocation of land. Our Constitution specifies that land is a matter for the State Government to decide. I, therefore, hope that the Central and the State Governments will establish closer liaison and speed up the allocation of land for farming purposes. I believe that if this matter could be effectively pursued, regardless of racial origins of applications, the target of increasing food supplies can be achieved, thereby removing the threat of economic recession.

Mr President, Sir, another point is that, since tin is one of our vital life-lines, the production and export of tin have contributed

largely to our economy. It is regrettable that known tin deposits in the country are becoming exhausted. How to find new deposits of economic value to develop is the biggest headache of the tin mining industry. For this reason, our Government, before alienating land for other purposes, should make sure that such land does not contain tin deposits; otherwise the future of the tin industry will be sacrificed to the detriment of the nation's economy. It is realised that this would involve considerable expense and delay if the Government carries out the work with its own drilling units. Miners, however, would be ready to evaluate the mineral potential of the land provided that they are given some assurance that they would be allowed to extract the minerals if they find them.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi, saya mohon menyokong Usul ini.

5.46 ptg.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya adalah menyokong dengan sepenuh-penuhnya Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di waktu Pembukaan Parlimen pada 5hb November yang lalu.

Di dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dahulu ada menyatakan, kalau diambil dengan secara rengkasnya, adalah untuk kemakmuran dan keamanan negeri kita ini.

Di sini Kerajaan kita selama 20 tahun yang lalu adalah membuat satu peperangan yang besar iaitu membasmi kemiskinan. Dua puluh tahun lamanya untuk membasmi kemiskinan di dalam negeri yang cukup kaya yang kita katakan kepada negeri luar dan juga kepada bangsa kita iaitu bangsa Malaysia yang Malaysialah negeri yang sehabis-habis kaya di rantau ini. Tetapi dua puluh tahun lamanya kemiskinan ini tidak dapat dan belum dapat lagi kita hapuskan. Apakah sebabnya? Terutama sekali kemiskinan ini adalah kebanyakannya di kalangan bumiputra.

Tadi Yang Berhormat Ahli dari Pahang telah bercakap bahawa apakah sebabnya bumiputra daripada bangsa Melayu Pahang telah masuk kominis beramai-ramai dahulu, dan kita ingat iaitu Kominis mempunyai

regiment mereka di sana. Apakah sebabnya? Oleh kerana bumiputra di Pahang terutama sekali yang mana saya katakan saya memberi sokongan yang sepenuh-penuhnya, negerinya besar, hutannya tebal banyak kayu-kayan, tetapi bumiputrnnya miskin dan simiskin-miskin itu duduk kebanyakannya di tepi sungai di dalam rakit-rakit. Dengan sebab itu kemiskinan ini tidak mengenal bangsa, tidak mengenal samada orang itu China, Melayu atau orang India. Kemiskinan di dalam Malaysia ini mesti dihapuskan dengan seberapa segera yang boleh dan membasmi-kan kemiskinan di dalam negeri yang kaya-
 raya yang banyak mengandungi bijih timah, 70 peratus daripadanya getah dunia, begitu banyak hutan yang mengadungi balak-balak yang banyak dan juga pada hari ini kita telah dapat petroliam samada di Sabah, di Sarawak dan juga di Pahang, maka saya percaya dengan kekayaan-kekayaan ini, kita akan dapat membasmi-kan kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, kemiskinan ini kalau tidak kita basmi-kan dengan seberapa sege-
 ranya, inilah nanti yang akan menjadi satu muslihat yang besar kepada negeri kita, oleh kerana kemiskinan ini saya nampak di waktu saya belajar di Negeri China 23 tahun dahulu; apakah sebabnya Chiang Kai-shek dan Kerajaan Komintangnya hancur-lebur dan lari lintang-pukang ke Taiwan. Sebab-sebabnya adalah kemiskinan. Orang-orang besarnya kaya-raya, tetapi penduduk-penduduk negeri China sebanyak 90% miskin memiskin-miskinnya. Landlord-landlordnya banyak dan landlord atau tuan-tuan tanah ini menekan rakyat, menghisap darah rakyat. Maka dengan sebab itu, orang-orang kam-pung tidak memberi kerjasama langsung kepada Kerajaan Komintang, pekan-pekan besar sahaja yang dipegang oleh Kerajaan Komintang. Akhirnya seluruh rakyat menentang Kerajaan dan Komintang jatuh dan lari ke Taiwan, baharulah Kerajaan Komintang sedar di atas kesalah-kesalahan korapsinya dan sebagainya dan hari ini di Taiwan negerinya adalah maju oleh kerana mendapat pelajaran daripada mainland of China dan kita tahu bagaimana Kerajaan Komunis dan dua tahun yang lalu saya telah pergi ke Canton ataupun ke Negeri China, sungguhpun tidak ada kebebasan di Negeri China, sungguhpun kita tidak dapat bercakap macam mana saya bercakap di Dewan ini, tetapi perutnya kenyang, pakaiannya ada sedikit-sebanyak, walaupun warna pakaian itu biru, tetapi ada

pakaian, tidak macam Kerajaan Komintang dahulu yang rakyatnya lapar, tidak makan, bukan macam negeri kita kalau lapar tidak makan maknanya orang itu tidak mahu bekerja langsung. Berjuta-juta orang China mati lapar dan sakit dengan tidak mendapat layanan daripada Kerajaan.

Pada hari ini mereka ada pakaian, ada makanan, tetapi tidak ada kebebasan, jadi bukan itu yang saya hendak tujukan; yang saya tujukan pada negeri kita ini ialah bahawa negeri kita ini kaya, maka kita senang dapat menghapuskan kemiskinan ini. Kalau kita pergi ke Eropah, kita tengok bagaimana Kerajaan Denmark boleh meng-hapuskan kemiskinan. Di Denmark orang-orangnya ramai, tetapi kehidupan rakyatnya elok, tidak ada yang terlampau miskin, tidak ada yang terlampau kaya.

Dengan sebab itu, kemiskinan ini adalah soal yang besar dan Kerajaan kita terpaksa menghapuskan kemiskinan ini dengan seberapa segera, bukan saya mengatakan Kerajaan kita tidak berbuat demikian, Kerajaan kita sekarang telah membuka tanah yang seluas-luasnya, Kerajaan kita telah buat jalan yang banyak, buat sekolah, buat itu dan buat ini, tetapi saya harap dapat kita membasmi-kan kemiskinan ini dengan seberapa segera yang boleh.

Yang kedua, saya baca dalam akhbar-akhbar baharu-baharu ini bahawa Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri telah bercakap berkenaan dengan Buku Hijau. Saya adalah seorang daripadanya yang menyokong penuh di atas Buku Hijau ini, saya menyokong penuh, sungguhpun ada yang mengatakan bagaimana kita hendak men-jalankan perlaksanaan Buku Hijau itu, tetapi itu tidak menjadi soal, yang kita hendak-kan Buku Hijau ini bahawa negeri kita ini mestilah ditanam dengan sepenuh-penuhnya, dipergunakan dengan sepenuh-penuhnya supaya makanan-makanan dapat kita keluar-kan dan dapat rakyat menikmati makanan-makanan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Buku Hijau ini, saya telah katakan di Dewan Rakyat dahulu. Saya katakan kepada Menteri yang ber-tanggungjawab pada masa itu, tanamlah padi. Banyak lagi tanah yang boleh ditanam. Di Negeri Sarawak banyak tempat yang boleh ditanam lagi, begitu juga di Pahang dan juga di Johor banyak tempat yang boleh ditanam dengan padi, tetapi apa yang telah

dijawab oleh Menteri? Jawab Menteri, kita tidak payah menanam padi banyak-banyak, rugi kerana kita boleh membeli beras daripada luar negeri dengan lebih murah lagi; kita sudah cukup dengan 60%, tidak payah self-sufficient. Inilah jawapan Menteri pada masa itu. Saya ingat lagi jawapan-jawapannya, tetapi saya yang bodoh ini mengerti. Saya mengerti bahawa rakyat akan bertambah dan terus bertambah. Rakyat di India sebanyak 600 juta orang, rakyat di Negeri China lebih kurang 850 juta orang, rakyat di Malaysia ini lebih kurang 11 juta, dan akan bertambah tidak berapa lama lagi. Samada buat rancangan birth control atau tidak, manusia akan terus-menerus bertambah. Dengan sebab itu mereka semua hendak makan. Apa makanannya? Makanannya ialah nasi. Ini patut ditambahkan, dan di dalam dunia pada hari ini ada kekurangan beras, kekurangan makanan dan saya harap perkara ini mestilah dijalankan dan apabila rakyat menanam pokok-pokok, tanaman-tanaman, ataupun buah-buahan, ataupun sayur-sayuran, saya minta satu sahaja, iaitu hendaklah diadakan pasarannya. Ini mesti dijaga.

Pada satu masa dahulu saya juga sebagai Pegawai Kerajaan. Rakyat disuruh menanam pokok pisang, tetapi pasarannya tidak ada, pisangnya masak di atas pokok. Disuruh tanam pokok tomato, buah tomatonya busuk begitu sahaja, tidak siapa yang hendak membelinya. Datang orang tengah hendak membeli dua sen sekati; siapa yang hendak menjual? Pada pendapat saya pasaran adalah penting sekali sungguhpun ada Farmers' Association dan sebagainya, baiklah kita bersiap diri dari sekarang dan Pejabat Pertanian atau Menteri Pertanian mestilah bersiap sedia atas perkara ini, oleh kerana pada satu masa yang akan datang rakyat akan mengatakan bahawa sekarang kami telah menjalankan tugas kami dimanakah dia pasarannya? Hari ini kita suruh mereka, tetapi hari esok mereka akan bertanya kepada Kerajaan. Saya adalah menyokong di atas perkara ini, tetapi hendaklah Kerajaan bersiap sedia untuk pasaran mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga telah bercakap beberapa kali berkenaan dengan nelayan-nelayan kita. Dua puluh tahun lamanya kita telah mencapai kemerdekaan, terutama sekali nelayan-nelayan Melayu, nelayan-nelayan bumiputra. Sudahkah kita meninggikan kehidupan taraf hidup nelayan-

nelayan bumiputra? Adakah berani satu-satu Menteri mengatakan taraf nelayan sudah dinaikkan? Betul ada pertolongan diberi bukan tidak ada—ada, tetapi cuma ada menolong bot kecil, mula-mulanya dengan motor sangkut. Saya ingat lari motor sangkut, pusing-pusing di tepi pantai, datang ikan besar, iaitu kapitalis besar—pukat Harimau, habis disapunya, ikan bilis pun habis, mana dia penangkap ikan bumiputra hendak mencari makan dengan bot-bot kecilnya? Nelayan-nelayan bumiputra duduk di tepi-tepi pantai dengan rumah-rumah yang berjongkang-jongkit. Dimana boleh ditunjukkan kepada saya yang nelayan bumiputra telah duduk di rumah batu ataupun rumah-rumah yang begitu elok selepas merdeka? Dengan sebab itu, hari ini Kerajaan kita telah menubuhkan satu pertubuhan atau badan yang dinamakan MAJUIKAN. Ditubuhkan MAJUIKAN ialah kerana nelayan-nelayan bumiputra selama 20 tahun lamanya iaitu semasa penjajahan dahulu sudah teruk, tetapi selepas merdeka ini mereka hendak maju sedikit, dengan itu kita telah menubuhkan MAJUIKAN.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat terutama sekali nelayan-nelayan akan bertanya lagi iaitu MAJUIKAN telah ditubuhkan hampir setahun lebih. Apa yang MAJUIKAN telah buat? Ini akan ditanya oleh rakyat. Di dalam MAJUIKAN ini ada juga orang-orang tengah atau orang-orang yang membeli ikan. Takkan orang-orang tengah yang beli ikan ini akan sayang kepada nelayan-nelayan bumiputra hendak membeli ikan dengan harga yang tinggi. Tentu ada pakatan-pakatan dalam pertubuhan ini. Saya harap Kerajaan atau pegawai-pegawai Kerajaan atau wakil-wakil rakyat di dalam MAJUIKAN itu menengok supaya nelayan-nelayan bumiputra tidak akan tertipu lagi, tidak boleh dipermain-mainkan orang lagi pada masa yang akan datang dengan adanya MAJUIKAN ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai ternakan. Bukan tidak ada Kerajaan menolong. Kalau saya katakan tidak ada, ini tidak patut. Saya ada menengok Pejabat Ternakan Haiwan menghantar lembu-lembu kurus, tinggal tulang macam saya ini. Lembu kerdil daripada Kelantan dan Trengganu. Lembu kerdil ini bukan diberi oleh Jabatan Haiwan ataupun Kementerian untuk mengahwinkan atau membiakkan kepada lembu yang kurus dan kerdil ini supaya lembu itu beranak besar tetapi dijual ke kampung-kampung yang

lain di seluruh Malaysia. Lembu yang kerdil, yang kurus, baka yang tidak elok dibela oleh orang-orang kampung di sana sini. Orang kampung kita bukan belajar Agriculture Economy atau Agriculture Husbandry. Sekor kerbau atau seekor lembu dibawa daripada pagi sampailah ke petang, diberi makan dan gembalanya duduk mencangkung menengok lembunya. Lembu-lembu itu dibela sampai tiga tahun baharu boleh dijual. Harga yang dijual lebih kurang \$500 setinggi-tingginya, sebab lembu itu kurus. Dibahagikan tiga tahun, tiga puluh enam bulan, berapa sen yang dapat? Tidak sampai 20 sen sehari. Itu pun saya tidak kira dengan betul. Barangkali 5 sen sahaja sehari. Beginikah hendak meninggikan taraf hidup bumiputra dengan 5 sen sehari dengan diberi lembu-lembu tersebut? Kalau hendak menolong bumiputra sepertimana yang dikatakan oleh saudara saya Yang Berhormat daripada Pahang tadi, tolonglah betul-betul Lembu-lembu itu janganlah lembu yang semacam ini. Beli lembu daripada Australia seperti Jersey cow atau Jersey cattle. Kalau dipelihara lembunya besar, dagingnya banyak. Kalau diambil susunya, susunya berbaldibaldi. Lembu-lembu daripada sini susunya diperah pun tidak keluar. Lembu-lembu itu yang diberikan kepada Bumiputra untuk meninggikan taraf hidup. Saya harap benar-benar bila Menteri pergi ke kampung-kampung, disambutlah dengan kompiang supaya kita ini dipuji oleh Menteri, sebab dia dikompiangkan. Lembu kecil pun dia pandang sudah besar. Lembu kurus pun dia kata sudah gemok. Penghulu-penghulu pula tahu orang-orang kampung makan sayur pucuk paku, pucuk ubi, ikan bilis dan sebagainya dan pada masa itu apabila Menteri datang diberi makan daging dan sebagainya. Tetapi hari ini Menteri mestilah tahu iaitu zaman kompiang sudah tidak ada lagi. Yang kita percaya ialah untuk meninggikan taraf hidup rakyat. Yang kita percaya dan mesti peraktikkan betul-betul tidak seperti saya bercakap atau Datuk Ahmad Arshad bercakap sahaja, bukan. Ini cakap adalah cakap benar, saya sudah tengok. Itulah sebabnya saya bangkitkan. Kalau saya tidak bercakap tidak boleh, berdosa saya pada rakyat, sungguhpun saya bukanlah dipilih oleh rakyat sekarang. Jadi inilah yang saya katakan berkenaan dengan lembu ini tadi.

Berkenaan dengan ikan, Tuan Yang di-Pertua. Saya sudah puas bercakap berkenaan dengan ikan. Di kampung-kampung di sana sini apabila buat sebuah kolam dipanggilah Menteri. Menteri pun pergilah ke kampung melihat ikan Talapia. Masuk dalam plastik, curah dalam kolam, semua orang pun bertepuk-tepuk kemudian berkendurilah. 20 tahun lamanya ikan Talapia itu dibela. Ikan Talapia penuh dengan tulang, dimakan tidak boleh, betul-betul hanyir. Siapa hendak beli? Pegawai-pegawai Perikanan cuba jawab. Berapa tan yang sudah dijual ikan Talapia ini? Banyakkah sudah orang-orang kampung yang kaya dengan memelihara ikan? Tulangnya banyak. Misalnya di lombong Petaling Jaya penuh dengan ikan Talapia. Jadi dengan sebab itu apakah sebabnya? Tidak ada research, Tuan Yang di-Pertua.

Di Taiwan saya tengok ikan-ikan laut itu-pun dibela di tepi pantai. Kalau tidak percaya, kalau saya bohong pergilah ke Taiwan. Itulah sebab negerinya maju. Bukan kerana apa, tetapi ada research. Ini tidak ada research, kerana ikan Talapia paling senang dipelihara, tidak payah apa-apa. Pejamkan mata, buang ke dalam kolam, ikan makan lumut dia besar begitu sahaja. Perkara itu memang senang. Mana boleh digalakkan secara begitu. Buat research betul-betul supaya ikan boleh dijual keluar negeri. Di Taiwan research dibuat terhadap ikan-ikan. Ikan-ikannya diinject supaya ianya tidur sebelum dihantar keluar negeri, dan apabila sampai keluar negeri ianya boleh hidup balik (*Ketawa*). Ini perkara betul, Tuan Yang di-Pertua, bukan olok-olok. Adakah kita membuat research? Ikan belut jenis yang dimakan oleh orang-orang Jepun misalnya sudah beberapa kali dibuat research, tetapi sampai sekarang belum diketahui apakah keputusannya.

Tadi saya telah bercakap, iaitu kalau hendak menolong nelayan-nelayan ini, bukannya dengan sampan-sampan kecil. Sampan-sampan kecil ini masanya sudah habis. Hendak dibeli 100, 200, 300, 400 tan kapal yang besar. Berapa kali dicakap. Tetapi sebagai Menteri, dia lebih pandai daripada kita. Tidak dengar atau tidak mahu dengar. Jawapan pun melentang-lentang sahaja maklumlah kita bercakap begitu. Kami tukang cakap, dia tukang jawab. Jadi yang kita hendak ialah dari hati ke hati yang putih iaitu hendak meninggikan taraf hidup orang kampung atau nelayan.

Baru-baru ini saya baca dalam suratkhbar Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, menyatakan akan mengadakan joint venture dengan orang Korea ataupun Kuwait iaitu membeli kapal-kapal yang besar sedikit supaya dapat diberi kepada nelayan-nelayan. Jangan joint Venture seperti di dalam suratkhbar, saya tidak mengerti sangat iaitu capitalist joint venture dengan Korea. Saya berkehendakkan iaitu MAJIKAN, orang nelayan kalau tidak ada duit, pinjam duit supaya mereka boleh joint venture dengan orang Korea untuk meninggikan taraf hidup mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap berkenaan dengan tanah, padi kunca. Saya dapat tahu iaitu di Kedah, banyak yang tidak mempunyai tanah, tetapi banyak pula yang mempunyai tanah yang besar, yang luas untuk menanam padi. Sebab getah memang tidak menjadi soal, kerana tanaman getah banyak. Tetapi ada yang mempunyai sawah padi 200-300 ekar, dan ada yang 400 ekar seorang tanah yang tidak dapat dikerjakan diberikan kepada rakyat. Tanah-tanah itu Kerajaan mestilah bayar secara yang patut, bukan dirampas. Kalau dirampas itu kominis, kita bukan kominis, Kerajaan demokrasi. Dibeli tanah tersebut dengan dibayar secara yang patut. Kalau satu ekar tanah harganya \$3,000 bayar \$3,000; kalau harga \$4,000 bayar \$4,000 kemudian diberi kepada rakyat. Orang yang mempunyai tanah ini bukan bermakna dia sudah dirampas tanahnya habis penghidupannya, tidak. Duit yang banyak ini dia boleh pergi ke industri.

Sekarang Menteri Perdagangan dan Perindustrian ada menyediakan berjuta-juta ringgit untuk bumiputra membeli saham. Orang-orang ini boleh membeli saham, tetapi tanah-tanah itu hendaklah diberi kepada orang yang tidak mempunyai tanah untuk ditanam padi, dan production padi akan lebih banyak lagi. Dengan ini dia boleh menanam bukan dua kali setahun bahkan tiga kali setahun oleh kerana tanah itu dipunyai oleh dia sendiri yang tidak dapat diidam-idamkannya jikalau Kerajaan tidak masuk campur dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengesyorkan kepada Kerajaan supaya di tempat-tempat mereka yang menanam padi ini diadakan secara collective padi farming seperti yang dijalankan oleh orang Russia ataupun oleh orang China, tidak. Collective farming cara kita, sebab kalau kita pergi ke

Canton, kita akan dibawanya ke satu tempat, satu kawasan di mana orang itu bekerja di dalam sawah itu, iaitu secara collective farming mereka. Mereka itu sama-sama membuat rumah, itu dan ini. Dalam satu kawasan dibuatnya segala-gala dengan tidak payah mereka mengimpot daripada tempat lain. Tetapi collective farming kita ini mestilah dibuat cara yang lain supaya boleh mendaftarkan hasil yang lebih banyak lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya menyentuh berkenaan bumiputra di dalam perdagangan dan perindustrian. Pada hari ini, dalam perangkaan pada 3-4 tahun dahulu, Kerajaan mengatakan bahawa .2% sahaja iktisad negeri ini dipegang oleh bumiputra. Tidak sampai 2%. Hari ini barangkali sudah naik .5%, ataupun sudah naik 1%, lagi 99%. Bukan kita hendak 99% tetapi kita hendak 30% di dalam tempoh 20 tahun yang akan datang. Sekarang sudah 5 tahun, dan ada 15 tahun lagi. Ini bumiputra akan bertanya 15 tahun lagi. Kalau 1% sekarang, ada lagi 29%. Boleh atau tidak kita capai di dalam tempoh 15 tahun akan datang? Ini akan ditanya kepada kita iaitu kita yang bertanggungjawab. Tidak kira samada kaum China, Melayu atau India, tetapi kita yang bertanggungjawab ini bolehkah tercapai cita-cita Kerajaan di dalam tempoh 15 tahun yang akan datang? Jadi, bukanlah tujuan dasar Kerajaan untuk merampas, tidak. Ada orang silap faham mengatakan disebabkan bumiputra hendak menjadi kaya lekas, maka merampas hak orang lain. Bukan, orang Melayu beragama Islam, tahu hak orang, tetapi hendak hidup, hendak senang, dan bergerak macam orang lain juga, dan mahu haknya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, yang saya ragukan iaitu boleh atau tidak kita capai oleh kerana saya dengar ada galakan-galakan Kerajaan. Memang dasar itu bagus. Barangkali pihak atasan tidak tahu, tetapi orang yang berkecimpung di dalam perniagaan dan perusahaan tahu, bagaimana susahannya. Ini bukan cakap bohong, cakap betul, bagaimana susahannya bumiputra hendak masuk dalam lapangan perniagaan dan perusahaan, ada galangan-galangan, rintangan-rintangan yang cukup hebat. Pergi ke Kementerian Perdagangan dan Perindustrian bertanya apakah peluang-peluang, entah tak tahu! Kemudian daripada itu disuruh galakkan bumiputra diberi hak istimewa dan sebagainya. Misalnya bumiputra mendirikan satu kilang, boleh atau

tidak Kerajaan jamin iaitu pengeluaran daripada kilang itu tidak akan disekat oleh orang Putih—foreigners yang mempunyai kilang-kilang yang besar dalam negeri kita, kalau misalnya bumiputra membuat satu-satu perkara, dan yang lain membuat itu juga. Oleh kerana bumiputra ini mempunyai modal yang sedikit, tentu dia akan dipotong begitu sahaja. Kalau saya menjual cermin mata dengan harga \$1 satu, oleh kerana dia hendak memamatkan perusahaan saya, dia mengamalkan capitalism, dia jual cuma 30 sen. Saya mempunyai modal yang sedikit, tidak banyak. Senang sahaja hendak memamatkan perniagaan bumiputra, jual sahaja 30 sen, orang itu jual \$1, tiga hari kilang kita tutup. Dengan sebab itu, Yang Berhormat Menteri hendaklah berhati-hati apabila menyuruh atau menggalakkan bumiputra masuk ke dalam dunia perniagaan. Galakan itu memang baik, syukur alhamdulillah, tetapi galakan ini seperti sebuah kawah api yang menyala-nyala disuruh terjun, kalau tidak berani tentu tidak maju. Bumiputra ini terjun masuk maka terbakar, Tuan Yang di-Pertua. Bumiputra ini hendaklah diberi protection, barulah boleh. Ini digalakkan sahaja, protection tidak diberi, bagaimana? Saya bercakap ini betul-betul bukan cakap bohong. Inilah keadaan bumiputra. Berkenaan dengan Buku Hijau yang disuruh menyangkul, menanam, itu lain hal. Kalau kita kuat kita boleh tanam, tetapi hal perniagaan ini bukan soal kuat, tetapi soal modal. Kalau modal kecil habislah, Tuan Yang di-Pertua. Oleh itu, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan yang berkaitan dengan perdagangan mestilah berhati-hati di atas perkara ini. Jadi, hak istimewa yang ada di dalam Perlembagaan ini dijalankan betul-betul pada hari ini. Kalau tidak, sampai dunia kiamat pun bumiputra tidak boleh maju.

Tuan Yang di-Pertua, bank-bank digalakkan oleh Kerajaan mesti memberi pinjaman kepada bumiputra di bawah rancangan CGC. Galakan begini memang baik dan memang banyak bank memberi galakan. Akan tetapi ada sebuah bank yang bernama Oversea Chinese Bank tidak memberi pinjaman kepada bumiputra. Saya hendak bertanya kepada Menteri yang bertanggungjawab apakah pertolongan yang telah diberi kepada bumiputra oleh bank ini? Bank ini memang anti-bumiputra. Ada seorang daripada directornya bernama Lim Joo Hiang—saya percaya bukan warganegara negeri ini. Oleh kerana ada bumiputra datang berjumpa saya hendak

meminjam wang, maka saya bertanya kepada beliau. Dia dengar nama bumiputra dia letakkan talipon. Beginikah gayanya sebuah bank yang duduk dalam negeri kita, yang berniaga dalam negeri kita membuat begini? Saya harap kepada Menteri yang bertanggungjawab memerhatikan di atas perkara ini. Bank yang anti-Melayu, yang anti-bumiputra ini tidak patut mendapat lesen menjalankan perniagaan dalam negara kita ini. Kalau kita tidak mengambil perhatian, saya sebagai seorang bumiputra berasa bacul.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan banyak menubuhkan perbadanan seperti PERNAS, UDA, MARA dan sebagainya. Ini memang baik di dalam perniagaan dan perusahaan, dan pada suatu masa akan datang saham-saham daripada UDA, MARA dan sebagainya dijual kepada bumiputra. Tetapi saya hendak mengingatkan tentang UDA jangan menjadi kuda, sebab apabila satu scheme orang lain didapatinya terbungkalai, tidak boleh buat, tidak ada capital UDA mengambil alih. Kita jangan mengambil hati orang terlampau sangat, sebab orang akan mengambil kesempatan. Kalau begitu caranya, saya pun suka apabila terbungkalai panggil UDA, jadi UDA jadi kuda. Perkara ini mesti diingatkan oleh UDA. Sungguhpun saya sendiri menyokong UDA, tetap saya tidak menyokong menjadi kuda ditunggang orang. Jadi diharap perkara ini akan difikirkan oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak dicakapkan banyak perkara lagi dan akan memakan masa yang panjang, tetapi saya kasihan juga pada kawan-kawan yang lain. Ada satu perkara yang penting sekali walaupun banyak yang penting, tetapi ini penting juga iaitu berkenaan dengan royalty. Pemodal bangsa asing hendak masuk ke dalam negeri kita ini membuat kilang-kilang. Mereka hendak menolong bangsa Malaysia ini oleh kerana bangsa Malaysia mundur. Di dalam United Nations berbahas hendak menolong negara dan orang yang mundur. Akan tetapi, bukan hendak menolong orang yang mundur, hendak menggasak orang yang mundur, hendak menghisap darah, suatu bangsa yang lain hendak menghisap darah bangsa yang lain, mereka ini hendak royalty, sebab dia ada technical know-how, kononnya. Barang-barang yang dibuat itu dijual di dalam negeri kita. Dengan sebab itu, pada hari akan datang pihak Kerajaan, FIDA terutama sekali, mestilah meneliti tentang technical know-how

ini. Jikalau dia hendak berniaga dengan negeri kita, hendak joint venture dengan negeri kita, hendak menjual barangnya di dalam negeri kita ini, mengapa minta royalty 3%-5% untuk technical know-how. Bodohkah kita? Jadi, pihak FIDA pada masa akan datang jikalau bangsa asing hendak joint venture dengan kita, kita jangan jadi bacul sangat. Kita bangsa yang merdeka dan berdaulat. Kalau mereka hendak menjual barangnya di dalam negeri kita, tidak ada royalty.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Royalty?

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Ya, tidak mahu royalty. Jadi dengan sebab itu, royalty 2%, 3% atau 5% kita tidak mahu.

Tuan Yang di-Pertua, capital bangsa asing yang masuk ke dalam negeri kita memang kita galakkan. Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Pegawai FIDA dan lain-lain pergi ke Eropah, pergi ke Amerika Syarikat, pergi ke Jepun, pergi ke seluruh dunia, dan banyaklah wang habis dibelanjakan, tetapi apabila bangsa-bangsa asing itu datang ke negeri kita ini hendak berjumpa dengan mereka ini, maka

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis ini ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.